

## **BAB I**

### **Pendahuluan**

Pendidikan merupakan satu perkara yang amat penting bagi melahirkan generasi yang mempunyai identiti dan peribadi terpuji. Pendidikan juga adalah asas dan tonggak utama dalam pembentukan tamadun manusia dan menjadikan mereka sebagai manusia yang benar-benar bertamadun tinggi.

Justeru, asas kepada kejayaan terhadap sesuatu pelaksanaan sistem pendidikan amat bergantung kepada hasil pembentukan diri dan sahsiah seseorang pelajar. Berdasarkan kepada situasi sebeginilah, maka keperluan dan kepentingan terhadap penguasaan ilmu mestilah selari dengan keupayaan memahami ilmu berkenaan yang akan membentuk peribadi serta tingkah laku seseorang insan hendaklah dititikberatkan oleh semua pihak yang mahukan generasi akan datang adalah generasi intelektual yang berilmu dan berakhhlak.

Ini adalah kerana ilmu dan akhlak merupakan satu kesinambungan yang perlu digandingkan bersama-sama bagi menjamin kemajuan yang dicapai selari dengan kehidupan yang berasaskan tamadun kemanusiaan sebenar.

#### **1.0 Pengenalan**

Bab ini merupakan bahagian utama dalam memperkenalkan perkara-perkara asas kajian yang melibatkan latarbelakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan juga menghuraikan definisi istilah berkaitan tajuk kajian. Di dalam bab ini juga, pengkaji menghuraikan secara

terperinci berkaitan latarbelakang tempat kajian yang melibatkan perkara-perkara berkaitan kemudahan fizikal, prasarana pembelajaran subjek Pendidikan Islam dan juga memaparkan pencapaian prestasi akademik subjek berkenaan.

### **1.1 Latarbelakang masalah kajian**

Pendidikan kerohanian melalui subjek Pendidikan Islam yang diajar di semua peringkat di institusi-institusi pendidikan sama ada peringkat sekolah hingga universiti, merupakan satu-satunya subjek atau mata pelajaran yang dapat mengarahkan kepada pembentukan diri seseorang biarpun ilmu-ilmu dipelajarinya begitu menekankan asas-asas teknologi dan sebagainya yang berkaitan dengan pencapaian kemajuan material dan fizikal sesebuah masyarakat.

Kepentingan terhadap subjek ini perlulah disedari oleh semua pihak yang ingin mewujudkan sebuah negara yang maju dan bertamadun tinggi. Ini adalah kerana kemajuan sesuatu umat dan penerusan sesebuah tamadun sebenarnya tidak cukup dengan pembangunan material semata-mata. Nilai-nilai kemanusiaan dan unsur-unsur kerohanian akan terbentuk dengan sendirinya melalui pengetahuan yang terdapat dalam subjek Pendidikan Islam.

Justeru, dalam menghadapi dekad-dekad akan datang, ketahanan jiwa melalui pendidikan yang membentuk keperibadian perlu dipertingkatkan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi dunia era globalisasi ini.

Sekiranya pengabaian terhadap subjek Pendidikan Islam dalam apa jua bentuk sekalipun, sebagai contohnya, kita menganggap ia tidak mempunyai nilai komersial

dan tidak memberi apa-apa kesan terhadap pembangunan fizikal, sudah tentu masyarakat industri yang berdasarkan kepada pendidikan teknikal akan menghadapi krisis akhlak dan sosial yang amat dahsyat. Fenomena ini telahpun berlaku kepada negara-negara maju ketika ini. Keadaan ini dapat dibuktikan secara jelas kemajuan dari segi teknologi canggih telah dieksplotasi dengan sewenang-wenangnya untuk menghancurkan ketamadunan manusia di negara lain pula disebabkan tiada nilai-nilai kemanusiaan yang mampu mendidik jiwa golongan berkenaan.

Oleh itu, pendidikan kerohanian melalui subjek Pendidikan Islam yang diajarkan di sekolah-sekolah perlu diberi perhatian sepenuhnya dari segi kualiti dan metodologinya. Perkara ini amat penting bagi menjamin individu-individu pelajar dengan menjadikannya sebagai asas atau tonggak pembentukan peribadi di mana juar tempat, masa dan ketika. Keberkesanan subjek ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan dirasa melalui pancaindera tetapi dapat dilihat menerusi sifat-sifat serta perilaku seseorang individu dalam komuniti masyarakat tertentu.

## **1.2 Pernyataan masalah**

Subjek Pendidikan Islam merupakan salah satu subjek teras dari segi akademik dalam perolehan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun, status pencapaiannya tidak menjadi wajib bagi memperolehi sijil penuh dalam SPM sebagaimana berlaku dalam mata pelajaran lain seperti subjek bahasa Melayu.

Sebenarnya, subjek ini merupakan satu subjek yang cukup penting dalam pembentukan warga negara berakhhlak mulia. Sepintas lalu, umumnya subjek ini tidak dianggap sebagai satu subjek yang dapat menjana pertumbuhan fizikal dan pembangunan material bagi komuniti masyarakat sesuatu tempat.

Hakikatnya, kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara amat bergantung kepada nilai moral dan keluhuran budi penduduk setempat. Perkara ini juga telah ditegaskan oleh Presiden Majlis Permuafakatan PIBG Kebangsaan, Prof. Madya Mohd. Ali Hassan “pendidikan Islam tidak seharusnya dilihat sebagai *pasport* untuk kerjaya masa hadapan, sebaliknya ia perlu ditakrif sebagai pengisi keperluan hidup yang seimbang dari segi jasmani dan rohani.”<sup>1</sup>

Bertitik tolak daripada sinilah, secara langsungnya pembentukan individu dari segi perilaku dan keperibadian amat bergantung kepada hasil maklumat dan ilmu pengetahuan yang diperolehi di dalam subjek Pendidikan Islam. Subjek ini telah dijadikan sebagai satu kemestianan di semua peringkat pendidikan samada sekolah rendah, sekolah menengah dan juga di institusi pengajian tinggi.

Kelancaran dan ketelusan penerimaan pelajar terhadap isi-isi kandungan dalam subjek ini amat bergantung kepada metode yang berkesan pengajaran guru bagi menjamin penjanaan serta penguasaan kandungan yang maksimum seperti dimuatkan dalam subjek berkenaan.

Berkaitan perkara ini, Dr. Rosnani Hashim menegaskan:

kaedah pengajaran guru yang bersandarkan kepada ilmu pengetahuan sahaja tanpa penerapan atau penghayatan ilmu agama dalam pengajarannya kepada pelajar tidak memberi kesan kepada pelajar. Subjek agama bukan sekadar memberitahu pelajar mengenai sesuatu fakta atau menghafalnya, tetapi bergantung kepada amalan dan keadaan semasa. Jika seseorang guru itu dapat menarik banyak isu semasa ketika mengajar, disamping mengaitkan dalam perkembangan sekarang dengan kisah-kisah teladan dalam al-Quran, pemahaman pelajar terhadap subjek agama itu akan menjadi lebih berkesan.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Berita Harian 21 Mac 2003.

<sup>2</sup> Ibid.

Hasil pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), isi kandungan subjek pendidikan Islam ini diagihkan kepada lima bahagian utama. Pembahagian ini menekankan kepada penghayatan nilai-nilai murni dan amali. Bahagian-bahagian berkenaan ialah:

- a. Tilawah.
- b. Akidah.
- c. Ibadat.
- d. Sifat dan cara hidup Islam.
- e. Tokoh-tokoh Islam

Berikut pelaksanaan KBSM ini, aspek yang dititik beratkan ialah pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu topik berserta penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang diperolehi diakhir pengajaran guru berdasarkan topik-topik yang dibahaskan di dalam kelas.

Kejayaan terhadap penghayatan nilai-nilai murni dan pemahaman pelajar terhadap topik-topik tertentu amatlah bergantung kepada metode pengajaran guru yang dapat menarik minat pelajar berkenaan disebabkan keberkesanan proses pembelajaran yang telah dijalankan. Seterusnya situasi ini akan memberi kesan terhadap prestasi akademik dan pembentukan pekerti mulia seperti yang dimuatkan dalam subjek Pendidikan Islam.

Secara jelasnya, penghasilan pengajaran yang baik, berkualiti dan berkesan amat bergantung kepada penggunaan metode atau kaedah yang betul dan sesuai

dengan situasi masa, tahap kognitif pelajar serta suasana tempat sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.

Hasan Langgulung menyatakan berkaitan dengan kesesuaian metode ketika mengajar amat penting dengan menyebut:

kaedah sebenarnya bermakna jalan untuk mencapai tujuan. Jadi jalan itu bermacam-macam, begitu juga dengan kaedah. Tidak ada kaedah yang terbaik untuk segala mata pelajaran. Mungkin ada kaedah yang baik untuk pelajaran tertentu dan guru tertentu.<sup>3</sup>

Ekoran daripada itu, pengkaji merasakan perlu dibuat pengamatan dan penelitian semula secara lebih tepat lagi mengenai metode pengajaran guru-guru agama di sekolah menengah. Perkara ini perlu diberi perhatian serius bagi memberikan satu input yang berkesan dalam memperbaharui dan memperbaiki serta mempelbagaikan metode pengajaran di dalam kelas. Ini bertujuan untuk menarik serta menambah minat para pelajar terhadap subjek Pendidikan Islam. Kepentingannya akan dirasai oleh semua pihak yang berkaitan seperti pelajar itu sendiri, ibubapa, guru dan pentadbiran sekolah serta pihak yang bertanggungjawab mengenai perkara ini khasnya di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pengkaji merasakan amat perlu mengenalpasti beberapa metode yang sering digunakan oleh guru-guru agama ketika mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Perlu dilihat ialah metode-metode yang paling berkesan untuk menarik minat pelajar serta menghilangkan rasa bosan mereka terhadap pembelajaran subjek Pendidikan Islam ini.

---

<sup>3</sup> Hasan Langgulung (1981), *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 26.

Sebagai contoh, terdapat beberapa metode yang digunakan oleh guru-guru agama semasa mengajar di dalam bilik darjah. Diantaranya ialah:

- a. Kaedah penerangan dengan menggunakan teknik syaranan.
- b. Kaedah mengingat dengan menggunakan teknik hafalan atau latihtubi.
- c. Kaedah tugasan dengan cara memberikan latihan
- d. Kaedah perbincangan melalui teknik sumbangsaran.
- e. Kaedah simulasi melalui teknik tunjukcara.
- f. Kaedah anugerah dengan cara memberi sebarang imbuhan, hadiah dan memberi puji terhadap respons positif yang ditunjukkan didalam kelas.
- g. Kaedah hukuman iaitu dengan cara dendaan akibat sikap negatif yang ditunjukan tanpa melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Berdasarkan metode atau kaedah-kaedah di atas, kelincinan pelaksanannya amat bergantung kepada kemahuan seseorang guru itu sendiri dalam memperolehi hasil yang memuaskan selepas pengajarannya. Sebagai contohnya, selepas guru selesai mengajar di dalam kelas perlu disusuli dengan memberi tugasan melalui metode latihan. Cara ini mestilah diikuti dengan pemantauan oleh guru berkenaan dengan meneliti atau mengadakan pemeriksaan mengejut terhadap setiap pelajar supaya tugas yang diberikan itu dilaksanakan sebaik mungkin. Secara langsungnya metode ini akan memberikan kesan positif dalam membantu guru melaksanakan pengajarannya.

Selain itu, kesan positif terhadap pengajaran guru juga amat bergantung kepada motivasi para pelajar. Dalam hal ini, guru-guru agama perlulah menggunakan

satu metode yang dapat membantu meningkatkan motivasi para pelajar terhadap pengajaran dan isi kandungan subjek Pendidikan Islam. Kaedah anugerah dalam pengajaran iaitu dengan memberi pujian atau sebarang bentuk penghargaan kepada beberapa orang pelajar yang menunjukkan respon yang baik semasa pembelajaran mereka di dalam kelas. Hakikatnya, sebahagian pelajar yang lain akan berusaha menguasai topik yang diajarkan kepada mereka berdasarkan motivasi yang telah diberikan oleh guru melalui kaedah anugerah ini.

Seterusnya, melalui kepelbagaian metode pengajaran yang digunakan sepenuhnya semasa pengajaran akan meninggalkan kesan yang boleh dibanggakan dari segi kemajuan akademik dan pembentukan sahsiah mereka sendiri menerusi pembelajaran subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah.

Permasalahan dan kualiti subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan akan menjadi lebih bernilai. Ini adalah berdasarkan kepada kejayaan proses pelaksanaan kurikulumnya yang diajarkan di sekolah-sekolah dengan cara yang betul. Secara umumnya, keadaan ini akan menjadi pemangkin kepada aras pembentukan masyarakat berilmu dan bermoral dalam semua kerjaya kehidupan .

Berkaitan dengan kualiti dan keperluan terhadap reformasi dalam pengajaran subjek pendidikan Islam ini hendaklah diberi perhatian sepenuhnya. Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Mahmood Zuhdi Abd. Majid menyebut:

apa yang berlaku dalam kurikulum pendidikan Islam kini lebih banyak teori berbanding praktikal. Teori yang diberikan kepada pelajar secara berterusan bukan sahaja membosankan malah mengurangkan minat pelajar mengikutinya. Jika sekolah aliran kebangsaan dapat

menyediakan keperluan kurikulum yang mencukupi, pelajar aliran kebangsaan tidak perlu bertukar ke sekolah-sekolah aliran agama.<sup>4</sup>

Isu-isu berkaitan penyediaan pendidikan agama yang menjadi benteng utama untuk menangani gejala sosial yang membimbangkan hari ini akan selesai jika pelaksanaan kurikulum dan penggunaan metode yang bersesuaian dikaji secara lebih terperinci lagi dari segi keberkesanannya pengajarannya di peringkat sekolah menengah. Ini adalah kerana para pelajar secara umumnya akan meninggalkan bangku persekolahan mereka apabila selesai sahaja menduduki SPM dan memilih kerjaya yang mempunyai kaitan dengan ilmu yang dipelajari oleh mereka ketika di sekolah. Jelasnya, pengetahuan agama melalui subjek Pendidikan Islamlah merupakan satu-satunya asas penting yang akan mengawasi segala tindak tanduk di dalam kerjaya yang mereka pilih.

Seterusnya, masyarakat pelajar lepasan sekolah-sekolah Menengah Teknik atau Vokasional secara umumnya akan bertugas sebagai sebagai jurutera-jurutera, arkitek, mekanik dan lain-lain bidang kerjaya yang berkaitan dengan pengkhususan mereka. Dengan berbekalkan ilmu pegetahuan berasaskan kerohanian khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, mereka sudah tentu akan membentuk sebuah masyarakat industri yang berkemahiran, berilmu dan bertaqwah melalui penguasaan ilmu yang dipunyai oleh subjek Pendidikan Islam.

---

<sup>4</sup> *Utusan Malaysia (Pendidikan)*. 21 Februari 2003.

### **1.3 Objektif kajian**

- 1.3.1 Untuk mendapat maklumat tentang metode pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam semasa mengajar di dalam kelas
- 1.3.2 Untuk mengkaji sama ada guru-guru Pendidikan Islam menggunakan metode yang pelbagai semasa mengajar di dalam kelas
- 1.3.3 Untuk mengenalpasti keberkesanan metode pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam
- 1.3.4 Untuk mengemukakan cadangan metode yang berkesan semasa pengajaran Pendidikan Islam dalam kelas kepada guru-guru Pendidikan Islam

### **1.4 Soalan kajian**

- 1.4.1 Apakah metode-metode pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam?
- 1.4.2 Adakah guru-guru Pendidikan Islam menggunakan metode pengajaran yang pelbagai semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam?
- 1.4.3 Adakah metode pengajaran yang digunakan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam?

### **1.5 Kepentingan kajian**

Sebagai satu input penting bagi pihak-pihak yang berkaitan dan bertanggungjawab khasnya Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menentukan bahawa subjek Pendidikan Islam ini merupakan asas utama dalam melahirkan masyarakat manusia yang bertamadun tinggi pada masa akan datang.

Sebagai penilaian semula terhadap metode-metode yang biasa digunakan oleh guru-guru agama di sekolah-sekolah menengah khasnya dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam.

Sebagai satu penggerak utama kearah perubahan maksimum terhadap metode-metode yang sedia ada yang berpusatkan kepada guru walaupun di antara tujuan utama pelaksanaan KBSM dalam pengajaran dan pembelajaran mestilah berpusatkan kepada murid dimana guru hanya berperanan sebagai fasilitator sahaja.

Sebagai satu input kepada guru-guru subjek Pendidikan Islam mengetahui metode-metode yang berkesan untuk memudahkan proses pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik yang diajar.

Sebagai satu refleksi terhadap mutu pengajaran subjek Pendidikan Islam dalam usaha membantu para pelajar mencapai kecemerlangan akademik dan pembentukan sahsiah yang boleh dibanggakan kelak.

## **1.6 Skop kajian**

Kajian ini dijalankan keatas 72 orang pelajar tingkatan 5 yang mengikuti pengajian mereka di salah sebuah sekolah menengah teknik di negeri Selangor iaitu Sekolah Menengah Teknik Kajang, Kajang Selangor.

## **1.7 Definisi istilah**

### **1.7.1 Sekolah Menengah Teknik Kajang, Selangor**

Perkataan merujuk kepada salah sebuah sekolah memengah teknik yang terdapat di negeri Selangor, Daerah Hulu Langat, Selangor. Sekolah ini merupakan

sekolah bantuan penuh kerajaan di bawah pengelolaan Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.<sup>5</sup>

### 1.7.2 Metode Pengajaran

Perkataan metode berasal dari perkataan bahasa Yunani ‘*Methodos*’ yang bererti cara.<sup>6</sup> Di dalam kamus oxford metode bermaksud *a particular way of doing something/ the best method for arriving at an accurate prediction of the costs*<sup>7</sup> iaitu cara melakukan sesuatu atau cara terbaik intuk mencapai dan mendapatkan sesuatu dengan ketepatan yang boleh digunakan di dalam sesuatu bidang. Manakala pengajaran berasal dari perkataan ajar yang membawa maksud suatu proses pengajaran.

### 1.7.3 Pendidikan Islam

Perkataan Pendidikan Islam merujuk kepada satu mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar yang beragama Islam bagi memperolehi sijil penuh SPM. Mata pelajaran ini diajar oleh guru-guru yang berkelayakan atau mereka yang dipanggil dengan gelaran 'ustaz' bagi lelaki dan 'ustazah' bagi perempuan. Isi kandungan subjek ini merangkumi pengajian berkaitan tilawah al-Quran atau hafazan petikan ayat-ayat tertentu, akidah, ibadah, akhlak dan tamadun Islam.

Subjek ini diajarkan secara formal di dalam kelas dengan mengambil masa empat waktu seminggu iaitu tiga waktu pengajaran di dalam kelas dan satu waktu amali solat di surau sekolah.

---

<sup>5</sup> Sumber dari Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.

<sup>6</sup> Koentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta : Penerbitan P.T Gramedia, hal.16.

<sup>7</sup> A S Hornby.(ed) Sally Wehmeir.(2000), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Oxford University: Press, hal. 803.

## **1.8 Sejarah Sekolah Teknik**

Berdasarkan isu utama dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ke 7 (RMK7), fokus utama dalam bidang pendidikan ialah bagi meningkatkan keupayaan dalam bidang Sains dan Teknikal. Bagi menangani isu tersebut beberapa langkah telah dikenalpasti diantaranya ialah meningkatkan nisbah pelajar sains/sastera kepada 60:40 dan juga menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah Teknik dan pengenalan mata pelajaran teknik di sekolah-sekolah asrama penuh / SMK (Agama) dan sekolah-sekolah menengah harian.<sup>8</sup>

Sehubungan dengan itu Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib bin Tun Razak sebagai Menteri Pelajaran ketika itu telah mengumumkan mengenai penstrukturran semula dengan menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah Teknik pada 27/6/1995.<sup>9</sup>

### **1.8.1 Latar belakang tempat kajian**

Sekolah Menengah Teknik Kajang telah dibuka pada 1.12.1991 dengan ditadbirkan oleh seorang Pengetua, seorang Penolong Kanan Akademik dan seorang Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar(HEM). Pada ketika itu tenaga pengajarnya terdiri daripada 33 orang guru akademik dan 22 orang guru teknikal.

Sekolah ini pada mulanya dibina khusus untuk dua bidang kemahiran iaitu bidang Automotif dan Penyejukan dan Penyamanan Udara. Para pelajar di sekolah ini akan menghabiskan pengajian mereka selama dua tahun sahaja. Mereka akan mengikuti pengajian di dalam tingkatan 4 dan tingkatan 5. Pada akhir tingkatan 5,

---

<sup>8</sup> Majalah tahunan Sekolah Menengah Teknik Kajang, (*Promik*), Edisi ke 4, hal. 5

<sup>9</sup> *Ibid.* hal,5

para pelajar sekolah ini akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV).

Mata pelajaran teras yang mula diperkenalkan ketika itu ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam/Moral. Mata pelajaran pendidikan Islam diwajibkan kepada semua pelajar Islam dan mata pelajaran moral diwajibkan kepada semua pelajar bukan Islam.

Kemasukan pelajar pertama seramai 269 orang (Tingkatan 4) pada 21/2/1992. Kemasukan kedua pada 10/2/1993 seramai 55orang. Jumlah kesemua pelajar pada tahun pertama dan kedua seramai 324 orang. Pada Januari 1994, jumlah pelajar telah bertambah sehingga 600 orang dengan 67 orang guru akademik dan teknikal.

Pada akhir tahun 1996, nama Sekolah Menengah Vokasional telah ditukar dan dinaik taraf menjadi Sekolah Menengah Teknik Kajang. Pada awal tahun 1997, seramai 111 pelajar kumpulan pertama aliran Teknikal kursus Pengajian Kejuruteraan Jentera memulakan pengajian disamping pelajar lain terus mengikuti kursus aliran Vokasional, Automotif dan Penyejukan & Penyamanan Udara.<sup>10</sup>

### **1.8.2           Lokasi Geografi**

Sekolah Menengah Teknik Kajang terletak kira-kira 3 kilometer dari bandar Kajang dari arah utara. Kedudukannya ditepi jalan menuju bandar Semenyih kearah selatan dari bandar Kajang.(rujuk lampiran peta)

---

<sup>10</sup> Majalah tahunan Sekolah Menengah Teknik Kajang, (*Promik*), Edisi ke 8, hal. 4

### **1.8.3            Kemudahan Fizikal**

Sekolah ini terletak di atas kawasan seluas 43 hektar dalam keadaan berbukit sedikit dan terdiri daripada 8 buah bengkel, 8 blok asrama (2 blok asrama puteri dan 6 blok asrama putera yang mampu menampung 800 orang pelajar. Disediakan juga sebuah kediaman Pengetua, Penolong Kanan, Ketua Warden, 4 buah rumah guru dan 10 buah rumah staf sokongan. Disamping terdapat 8 unit rumah warden asrama disetiap blok asrama.

Pada tahun 1997, beberapa blok tambahan mula dibina antaranya satu blok yang menempatkan 4 makmal iaitu 2 makmal kimia dan 2 makmal fizik. Satu blok pentadbiran baru yang menempatkan koperasi, klinik gigi, bilik kaunseling, bilik guru dan bilik perkembangan staf. Satu blok 4 tingkat juga ditambah yang mempunyai 16 bilik darjah bagi menampung kekurangan bilik darjah setelah dinaik taraf dan pertambahan jumlah bilangan pelajar serta kursus.

Kemudahan-kemudahan lain yang diberi perhatian semasa dinaik taraf ialah dengan membesarkan surau sekolah untuk kemudahan para pelajar menjalankan amali solat dan digunakan juga untuk solat Jumaat bagi penduduk sekitar.<sup>11</sup>

### **1.8.4            Pembelajaran Subjek Pendidikan Islam.**

Subjek Pendidikan Islam merupakan salah satu subjek teras yang diwajibkan keatas semua pelajar yang beragama Islam semasa menduduki Sijil Pelajaran Malaysia. Pembelajaran subjek ini dengan mengambil masa interaksi sebanyak 4 waktu seminggu bagi setiap kelas. Satu waktu mengambil masa selama 40 minit.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, hal. 5.

Waktu interaksi di dalam kelas ialah 3 waktu sahaja dan satu waktu lagi digunakan untuk amali solat di surau bagi setiap kelas. Justeru, keseluruhan waktu interaksi pembelajaran Pendidikan Islam ialah sebanyak 160 minit seminggu. Berdasarkan kepada jumlah waktu yang diperuntukan itu, guru-guru Pendidikan Islam menjalankan pengajaran secara formal di dalam kelas berdasarkan kepada sukanan pelajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ketika waktu amali solat, para pelajar akan menunaikan solat zohor secara berjemaah mengikut kelas-kelas tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah. Sebagai contohnya kumpulan pelajar dari kelas 4 Automotif I akan bergabung dengan kelas 4 Automotif II dan 4 Automotif III dan sebagainya pada hari-hari yang telah ditentukan. Begitulah seterusnya mulai hari Isnin hingga Khamis setiap kumpulan pelajar akan dikelompokkan berdasarkan aliran masing-masing bagi melaksanakan amali solat zohor secara berjemaah di surau sekolah berkenaan.<sup>12</sup>

Berdasarkan perancangan kurikulum panitia pendidikan Islam 2003/2004, bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam, penekanan telah diberi kepada beberapa aspek utama yang melibatkan aktiviti tahunan panitia serta penglibatan pelajar di dalam kelas dan diluar kelas. Pihak pentadbir sekolah mengkehendaki semua ketua-ketua panitia mata pelajaran menyediakan satu perancangan tahunan untuk menjamin prestasi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Diantara perkara-perkara yang dilakukan oleh panitia pendidikan Islam seperti yang berikut:

---

<sup>12</sup> Perancangan Tahunan 2003/2004 Panitia Pendidikan Islam, Sekolah Menengah Teknik Kajang.

- a. Penyediaan perancangan aktiviti tahunan yang perlu disiapkan sebelum sesi baru persekolahan bermula setiap tahun. Perancangan ini adalah hasil mesyuarat antara guru-guru panitia pendidikan Islam.<sup>13</sup>
- b. Mengadakan perjumpaan mingguan ahli panitia. Semua guru Pendidikan Islam dengan diketuai oleh ketua panitia akan berbincang mengenai sebarang permasalahan yang timbul terutamanya perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil perbincangan ini akan dicatatkan dalam sebuah buku yang akan diserahkan kepada pengetua pada hujung minggu untuk sebrang tindakan susulan.
- c. Bagi pemantapan pengajaran guru Pendidikan Islam pihak pentadbiran sekolah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah akan mengadakan pencerapan dan penyeliaan terhadap semua guru ketika mengajar di dalam kelas. Proses ini biasanya akan diadakan pada bulan Mac dan bulan Julai. Diantara yang perkara yang ditekankan ketika pencerapan ini dilakukan ialah kekuatan dan kelemahan yang terdapat ketika guru mengajar di dalam kelas. Aspek ini merupakan sesuatu yang sangat penting bagi menjamin mutu pengajaran guru.
- d. Seterusnya bagi menjamin kualiti pencapaian prestasi akademik subjek Pendidikan Islam ini, pihak panitia akan mengadakan ceramah teknik menjawab soalan yang disampaikan oleh individu tertentu yang mempunyai pemgalaman dalam pemeriksaan kertas bagi subjek ini.

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

e. Pihak panitia Pendidikan Islam akan mengadakan bincian terhadap pencapaian prestasi setiap pelajar berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Perkara ini akan dilakukan oleh setiap guru yang mengajar kelas-kelas berkaitan. Pelajar yang mempunyai prestasi yang kurang memuaskan akan diberikan bimbingan khusus dan dikelompokkan dengan mengadakan kelas pemulihan supaya segala kelemahan mereka dapat dikenal pasti secara lebih dekat.<sup>14</sup>

f. Sebagai pengukuhan keperibadian dan akhlak, pihak panitia Pendidikan Islam akan menganjurkan ceramah-ceramah bersempena hari-hari kebesaran Islam yang dianjurkan mengikut kesesuaian waktu-waktu tertentu. Ceramah-ceramah ini akan disampaikan oleh tokoh-tokoh agama yang berkaliber. Kebiasaan diakhir sesi ceramah berkenaan para pelajar akan diberi peluang bersoaljawab dengan penceramah berkenaan sekitar isu-isu semasa dan nilai-nilai murni yang perlu disuburkan disamping pembelajaran secara formal di dalam kelas.<sup>15</sup>

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.*

## **BAB II**

### **Tinjauan Literatur**

#### **2.0 Pengenalan**

Tinjauan ini adalah berdasarkan kepada beberapa penulisan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli akademik dan juga hasil kajian lalu yang telah dilakukan oleh para sarjana melalui penghasilan penyelidikan mereka. Berdasarkan kepada perbahasan-perbahasan terhadap hasil penulisan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kajian, pengkaji akan menjadikannya asas terhadap kajian yang dijalankan.

#### **2.1 Kajian lepas berkaitan.**

Melalui kajian lalu berkaitan, Nazri Hamid menerusi hasil penyelidikannya mengenai sikap pelajar terhadap subjek pendidikan Islam di dua buah sekolah menengah daerah Sabak Bernam mendapat 53% pelajar menyatakan pengajaran guru Pendidikan Islam menarik. 27% menyatakan tidak pasti dan 20% pelajar menyatakan pengajaran guru Pendidikan Islam tidak menarik.

Namun, beliau mendapat keseluruhan sikap pelajar terhadap adalah positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Bagaimanapun, mata pelajaran pendidikan Islam bukanlah mata pelajaran yang paling diminati oleh subjek kajian. Ini adalah kerana hanya 5.0% daripada subjek kajian menyatakan mereka sangat berminat terhadap mata pelajaran tersebut.<sup>16</sup>

Berdasarkan kajian berkenaan, kita perlu menoleh kebelakang kenapa masih terdapat di kalangan pelajar sekolah yang tidak berpuas hati dengan proses pengajaran

---

<sup>16</sup> Nazri Hamid (2000), Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Dua Buah Sekolah Daerah Sabak Bernam. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 85.

guru Pendidikan Islam walaupun peratusan hasil kajian berkenaan melebihi sedikit sedikit iaitu 53% dari subjek kajian berbanding mereka yang tidak meminati.

Oleh itu, bertapa perlu dibuat kajian secara lebih terperinci lagi berkaitan metode-metode pengajaran guru-guru Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah. Pengkaji merasakan amat perlu mencari metode-metode yang paling berkesan dan mendapat maklum balas terhadap perkara ini supaya subjek Pendidikan Islam di kalangan pelajar sekolah menengah merupakan satu subjek yang paling diminati. Perkara ini hanya dapat dikesan melalui corak penampilan pengajaran guru-guru Pendidikan Islam di dalam kelas.

Metode pengajaran guru merupakan suatu perkara penting yang akan memberi kesan terhadap pengajaran guru itu sendiri dan hasilnya akan menjadikan masyarakat pelajar itu lebih proaktif terhadap subjek Pendidikan Islam. Justeru itu, kepelbagaian metode pengajaran guru di dalam kelas akan menjamin keberkesanan proses pembelajaran subjek Pendidikan Islam. Tidak mustahil suatu hari nanti subjek Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran yang paling diminati dan dianggap sebagai mata pelajaran yang terpenting di dalam menjamin keharmonian masyarakat sejagat serta menjadi ubat yang paling mujarab kepada permasalahan sosial yang semakin meruncing ketika ini.

Kepelbagaian metode ini perlu diberi perhatian yang serius dan dipraktikkan sepenuhnya ketika mengajar di dalam kelas. Sebagai contohnya, guru-guru Pendidikan Islam khasnya perlu memberi pujian terhadap para pelajar yang dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna sewaktu belajar di dalam kelas

mahu pun ketika disoal dengan soalan tertentu berkaitan pembelajaran sehari-hari dan pelajar berkenaan dapat menjawab dengan baik terhadap soalan yang dikemukakan itu.

Pujian dan penghargaan daripada guru itu secara langsung akan membangkitkan semangat yang diperlukan oleh seseorang pelajar disamping dendaaan yang dikenakan kepada mereka yang ingkar terhadap tugas yang telah diberikan.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Noraini Ramli, beliau mendapati 18% baik sentiasa mendapat pujian selepas membuat sesuatu tugas kerja rumah yang telah diberikan oleh guru dan juga 30% pelajar lemah juga mendapat pujian selepas melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan. Ini menunjukkan jumlah peratusan pelajar yang baik atau yang lemah menerima pujian selepas melaksanakan suatu tugas masih lagi rendah.<sup>17</sup>

Menurut Khatijah Endut, menerusi hasil penyelidikannya berkaitan keberkesanan kaedah pengajaran koperatif menjelaskan kepada kita, sewajarnya guru-guru subjek Pendidikan Islam di sekolah perlulah memilih pendekatan pengajaran yang menarik minat pelajar. Dengan cara ini mereka tidak akan berhadapan dengan segala peraturan yang menakutkan, bahkan mereka akan berhadapan dengan segala keseronokkan apabila berhadapan dengan guru Pendidikan Islam. Melalui pembelajaran secara ini para pelajar akan dapat berinteraksi dengan guru dan rakan-rakan secara lebih dekat lagi.

---

<sup>17</sup> Noraini Ramli (2000), Hubungan Di Antara Keberkesanan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Survey. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 55.

Melalui pengajaran secara koperatif atau berkumpulan ini akan menjadikan pelajar belajar sendiri dengan diawasi oleh guru dan mereka akan sentiasa diberikan penghargaan. Justeru itu kaedah ini merupakan salah cara yang memberikan kesan terhadap apa yang dipelajari oleh mereka.<sup>18</sup>

Beliau menegaskan lagi, mata pelajaran Pendidikan Islam sebenarnya memainkan peranan yang penting di dalam membentuk keperibadian seseorang. Sekiranya berkesan, pelajar-pelajar di sekolah dan remaja serta muda mudi tidak mungkin akan terjebak di dalam pelbagai gejala sosial. Oleh itu guru-guru perlu mengadakan pengajaran dengan menggunakan pelbagai kaedah khusus yang telah dikenalpasti keberkesanannya, seumpama pengajaran koperatif. Dengan ini akan menarik minat pelajar dan keberkesanannya yang terbaik hasil dari pengajaran yang telah dijalankan.<sup>19</sup>

Jainon @ Faridah Hj. Majid dalam penyelidikannya menegaskan, penguasaan ilmu dan pembentukan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca dari ketokohan dan keperibadian guru bahkan berpunca dari kurikulum yang lengkap dan di sokong oleh kaedah pembelajaran yang sempurna. Dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kaedah atau metode pengajaran merupakan alat penggerak dua hala iaitu dari pihak pengajar dan pelajar yang sifatnya yang sentiasa berinteraksi.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Khatijah Endut (1998), Satu Kajian Eksperimen Tentang Kberkesan Pembelajaran Koperatif Dalam Pendidikan Islam. Disertasi Sarjana. Bangi: UKM, hal. 3.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hal. 67.

<sup>20</sup> Jainon @ Faridah bt. Majid (1990), Masalah Utama Penggunaan Alat Bantu Mengajar Pendidikan Islam di Kalangan Guru Agama Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Gombak dan Wilayah Persekutuan: Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran. Disertasi Sarjana. Bangi: UKM, hal. 43.

Berdasarkan pernyataan berkenaan, pengkaji berpendapat pengajaran yang sempurna akan menghasilkan sesuatu yang cukup berkesan terhadap para pelajar yang sentiasa berperanan sebagai penerima maklumat. Sekiranya pemberi maklumat iaitu guru-guru tidak menggunakan kaedah yang betul bersesuaian dengan tahap kognitif pelajar tertentu, proses pengajaran dan pembelajaran itu akan membawa sesuatu yang negatif sama ada dari segi respons para pelajar terhadap pengajaran guru mereka dan juga berkemungkinan keperibadian mereka menunjukkan suatu yang mendukacitakan. Penekanan terhadap metode yang berkesan perlu diberi perhatian serius oleh semua guru subjek Pendidikan Islam.

Seterusnya, Mohd Sahirudin Amir menerusi hasil penyelidikannya menyebut, untuk mencapai matlamat atau objektif sesuatu pengajaran itu, seseorang guru selain daripada mesti mempunyai personaliti yang baik, kaedah dan pendekatan pengajarannya juga amat penting untuk mencorakkan suasana pembelajaran di dalam bilik darjah dan mempunyai hubungan yang amat rapat dengan keupayaan pelajar menghayati dan mengamalkan sesuatu ilmu itu dalam kehidupannya.<sup>21</sup>

Beliau menegaskan, guru-guru perlu mengambil kira pengetahuan sedia ada para pelajar, kaedah-kaedah yang sesuai dengan kebolehan pelajar dan cara penilaian yang sesuai supaya proses pembelajaran dapat berlaku dengan berkesan. Kepakaran guru mengenai sesuatu mata pelajaran, sikap dan corak kepimpinannya, organisasi bilik darjah yang baik perhubungan yang mesra, semua ini menjamin kualiti pengajaran yang baik.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Mohd Sahirudin bin Amir (1996), Perkaedahan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Ulum Syariah ): Satu Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Kuala Selangor. Disertasi Sarjana. Bangi: UKM, hal.33.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hal. 47.

## **2.2 Prinsip-prinsip metode pengajaran**

Prinsip pengajaran yang mempunyai konsepnya tersendiri merupakan perkara yang amat penting di dalam menjayakan suatu pencapaian terhadap ilmu pengetahuan. Menurut Ibnu Khaldun, suatu yang harus diketahui bahawa pengajaran ilmu pengetahuan kepada para pelajar hanya akan dirasakan berkesan apa bila dilakukan secara beransur-ansur, sedikit demi sedikit.<sup>23</sup>

Pada mulanya, guru tersebut akan memaparkan kepada pelajarnya masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab cabang ilmu tertentu. Seterusnya dia akan membiasakan kepada para pelajarnya dengan mengulasnya secara ringkas. Sewaktu melaksanakannya dia akan memerhatikan kemampuan akal dan persediaan pelajar untuk memahami bahan yang diberikan sehingga salah apa yang menjadi objektif sesuatu disiplindan kehendak ilmu berkenaan tercapai.

Menurutnya lagi, dengan cara ini para pelajar akan dapat menguasai ilmu yang dipelajari oleh mereka. Tegasnya, kemampuan pelajar itu masih berada pada tahap yang lemah dan sederhana sahaja. Peringkat ini menurut Ibnu Khaldun lagi sebagai cara untuk para pelajar sekadar memahami disiplin ilmu berkaitan dan memahami masalah-masalahnya.

Seterusnya, beliau menyatakan guru itu perlu membantu murid-muridnya mengulangi disiplin itu untuk kali keduanya. Seterusnya guru itu akan

---

<sup>23</sup> Ibn Khaldun (2000), *Terjemahan Mukadimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 762.

mengajarkannya pada tahap yang lebih tinggi. Pada peringkat ini, guru berkenaan tidak lagi memberi penerangan secara sepintas lalu sahaja tetapi disertai dengan memberikan penerangan dan ulasan yang menyeluruh.

Beliau menjelaskan dengan cara ini, sikap cendiakawan atau daya intelektual para pelajar dapat dipertingkatkan. Guru berkenaan perlu terus membimbang kepada suatu perbahasan yang lebih berasas. Guru berkenaan juga mestilah tidak membiarkan para pelajarnya terus berada dalam keadaan kabur dan tidak jelas terhadap sesuatu perolehan ilmu dan pegetahuan tertentu. Semuanya harus diterangkan secara terbuka kepada pelajar-pelajarnya.<sup>24</sup>

Beliau menegaskan lagi, terdapat ramai guru-guru yang masih jahil menggunakan kaedah yang memberikan kesan sewajarnya. Beliau memberi contoh dimana terdapat dikalangan guru-guru yang memulakan pengajarannya dengan memberikan permasalahan disiplin ilmu tertentu dengan cara yang tidak jelas. Guru-guru berkenaan meminta supaya para pelajarnya menggunakan pemikiran dahulu secara langsung bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau perolehan terhadap ilmu-ilmu tertentu. Menurutnya lagi, guru-guru seumpama itu beranggapan cara demikian merupakan proses pembelajaran secara pengalaman dan suatu latihan yang tepat .

Beliau berpendapat cara yang berkenaan sebenarnya merupakan suatu cara yang dapat mengelirukan pelajar dengan menerokai maklumat-maklumat tertentu yang mereka belum bersedia memahaminya. Sebenarnya para pelajar memerlukan bimbingan guru dengan perolehan ilmu secara umum pada peringkat permulaan

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, hal. 763.

dengan kaedah yang sesuai dengan disiplin ilmu berkenaan. Seterusnya, pengetahuan terhadap ilmu-ilmu tertentu akan bertambah sedikit demi sedikit apabila ilmu berkenaan diulangi oleh gurunya sehingga mencapai tahap penguasaan yang memuaskan.

Ibnu Khaldun menegaskan lagi, sekiranya metode dan kaedah yang digunakan itu tidak sesuai, seseorang pelajar itu akan beranggapan untuk menjadi seorang yang pandai amat sukar dan dia akan cuba mengelakkan serta menjauhkan dirinya daripada mempelajari ilmu tertentu.<sup>25</sup>

Beliau menekankan, sekiranya seseorang guru itu mengelirukan pelajarnya atau menggunakan metode yang tidak betul terhadap pelajarnya, keadaan ini akan mengakibatkan otak dan pemikiran pelajar itu menjadi tumpul dan bebal. Seterusnya, pelajar-pelajar seumpama itu akan terus menyisihkan diri mereka daripada sesuatu ilmu yang dipelajarinya. Beliau mengulangi, suatu cara yang baik dan metode yang harus digunakan ialah menggunakan kaedah yang tidak mengelirukan dan tidak membingungkan pemikiran para pelajar.<sup>26</sup>

Jelas disini, keberkesanan metode pengajaran sebenarnya dibuktikan dan didasarkan kepada penguasaan serta minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Sehubungan dengan pengajaran subjek Pendidikan Islam di sekolah contohnya, seseorang pelajar itu perlu mendalami ilmu-ilmu yang mengarahkan kepada ketauhidan terhadap Allah s.w.t. supaya menjadi seorang manusia yang mempunyai nilai kehidupan yang tinggi .

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, hal. 765.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hal. 766.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Abdul Halim bin Hj. Mat Diah, dalam pendidikan keagamaan itu antara lain haruslah mencakupi pendidikan ketauhidan dan mempratikkan ketauhidan itu dalam amal perbuatan atau ibadah. Menurutnya lagi pendidikan kearah ketauhidan adalah merupakan dasar bagi kehidupan manusia kerana manusia yang tidak mempunyai keimanan yang teguh tidak akan menemui kebahagiaan yang dicita-citakan di dunia ini. Apatah lagi diakhirat.<sup>27</sup>

Oleh itu, metode pengajaran untuk subjek Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah contohnya, perlu diteliti secara lebih luas lagi supaya para pelajar tidak berusaha menjauhi dan membencinya. Ini adalah kerana melalui pembelajaran subjek Pendidikan Islam sahajalah yang akan menjadikan para pelajar mengenali Allah s.w.t dengan sebenarnya dan menuruti segala perundangan dan syariat yang telah diasaskan di dalam kitab al-Quran dan hadis nabi Muhammad s.a.w.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, tidak terdapat topik-topik secara khusus yang memperkatakan dan membahaskan hal-hal berkaitan metode pengajaran guru secara menyeluruh serta keberkesanannya di dalam proses pengajaran subjek Pendidikan Islam yang telah digunakan ketika mengajar di dalam kelas.

Isu ini juga telah dinyatakan oleh T. Subahan bin Mohd Meerah, apabila diteliti secara terperinci tidak banyak penyelidikan dan kajian mengenai perkaedahan pengajaran Pendidikan Islam dihasilkan, pada hal dari segi isu-isu, Pendidikan Islam kerap sangat mendapat perdebatan hangat dalam media masa. Tidak kurang penting

---

<sup>27</sup> Abdul Halim Mat Diah ( 1989 ), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, hal. 12.

juga mengenai keselamatan dan masalah sosial dikaitkan terus dengan Pendidikan Islam.<sup>28</sup>

Hasan Langgulung menegaskan, kepentingan kaedah-kaedah pendidikan berdasarkan pada fakta bahawa mana-mana kurikulum tidak dapat dipelajari dengan cekap kecuali ia dipersembahkan dengan cara-cara tertentu. Kaedah yang tidak sesuai boleh menghambat pembelajaran atau menyebabkan pembaziran tenaga dan masa.

Apabila kita membicarakan kaedah pengajaran, maka perbicaraan itu tidak terhad kepada perkara-perkara pengajaran sahaja, tetapi meliputi beberapa perkara lain seperti pentadbiran, pendidikan guru, buku-buku teks dan teknologi pendidikan yang meliputi berbagai aspek seperti alat pandang dengar, alat bantu mengajar dan lain-lain perkara berkaitan. Pendek kata ia meliputi segala perkara yang akan menjadikan pembelajaran dan pengajaran itu lebih berkesan.<sup>29</sup>

Seterusnya, beliau menyatakan, kalau pendidikan agama digunakan dengan cekap oleh orang yang mempunyai celik akal dan pengalaman hidup ia akan membawa kanak-kanak mencintai dan menjunjung tinggi agama itu, tetapi sebaliknya, kalau digunakan oleh orang-orang yang tidak cekap ia akan membawa kearah sebaliknya, benci, bosan dan mungkin pada waktunya ia tidak suka kepada semua yang berbau agama, termasuklah institusi-institusi, upacara-upacara dan syiarnya.<sup>30</sup>

---

<sup>28</sup> T. Subahan Mohd Meerah (2003). *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3). Isu-isu Perkaedahan Pendidikan Islam*. Bangi : UKM, hal. 429.

<sup>29</sup> Hasan Langgulung (1997), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 63.

<sup>30</sup> Hasan Langgulung (1981), *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 26.

Jelaslah disini, sekiranya kita tidak menggunakan cara yang tidak betul di dalam menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan akan memberikan kesan yang cukup menyedihkan sehingga seseorang itu akan terus membenci sesuatu yang bercorak keagamaan apatah lagi mengaplikasikannya dalam geraklaku serta tindak tanduk ketika meneruskan kehidupan sehari-hari.

Menurut pandangan Shahrin Awaludin, kaedah mengajar ialah segala kegiatan yang terarah yang dilaksanakan oleh guru dalam rangka mengisi keperluan mata pelajaran yang diajarinya. Penyampaian dalam pengajaran Pendidikan Islam pada hari ini perlu menggunakan berbagai strategi pengajaran. Pengajaran subjek Pendidikan Islam boleh disepadukan dengan mata pelajaran lain seperti sains, geografi, matematik dan sebagainya.

Kesemua ini hendaklah diasaskan kepada realiti semasa. Justeru itu, pengajaran subjek Pendidikan Islam wajar menggunakan strategi sains emperikal berasaskan kepada penekanan dan pemberatan yang sedang giat dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia hari ini.

Beliau menyatakan lagi, kaedah yang sering digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam ialah kaedah kuliah, perbincangan dan soal jawab. Kaedah-kaedah ini seperti juga kaedah lain yang mempunyai kelemahan dan kekurangannya tersendiri. Namun, jika ia dilaksanakan dengan mengambil kira realiti semasa, maka

sudah tentu ia mampu menarik perhatian pelajar sekaligus ia memungkinkan mereka memahami isi pelajaran dan menghayatinya.<sup>31</sup>

Menurut Robiah Sidin, dalam pembentangan kertas kerjanya bertajuk ‘Pengajaran Secara Pengalaman: Satu Amalan’ menyebut, apabila mengajar, guru tidak harus hanya bercakap atau memberi kuliah semata-mata kerana bahan yang disampaikan akan mudah dilupai. Guru harus mengajar dengan meminta pelajar atau murid melakukan secara aktif menerusi aktiviti yang berkait rapat dengan apa yang dipelajarinya.

Menerusi aktiviti-aktiviti tertentu murid boleh memahami dengan lebih dekat dan mendalam terhadap apa yang disampaikan oleh guru. Prinsip asas yang dipegang dalam pengajaran secara pengalaman ini menekankan guru mengajar dan murid mengalami serta menghayatinya. Cara pengajaran seperti ini lebih bererti dan berkesan.<sup>32</sup>

---

<sup>31</sup> Shahrin Awaluddin (1998), Pendidikan Islam Berasaskan Realiti Semasa, *Juriah Long (ed), Inovasi dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat*. Bangi: UKM . Hal. 152-153.

<sup>32</sup> Robiah Sidin (1998), *op.cit.*, hal. 67.

## **2.3 Metode-metode pengajaran**

### **2.3.1 Metode syarahan**

Syarahan merupakan satu kaedah yang paling popular dan paling rendah kosnya. Metode ini merupakan cara yang digunakan dalam apa sahaja perkara yang berkaitan dengan penyampaian sesuatu ilmu pengetahuan. Penggunaannya juga menunjukkan guru lebih dominan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Ahmad Rafaai Ayudin dalam petikan hasil penulisannya menyebut, bentuk syarahan ini adalah bertujuan untuk merangsang atau pelajar, memperjelaskan atau membuat rumusan terhadap sesuatu proses pembelajaran, membuat ulang kaji, mengembangkan isi pengajaran dan untuk menyampaikan maklumat yang telah dirancang.<sup>33</sup>

Metode ini juga boleh diselang seli dengan kaedah pengajaran yang lain seperti melakukan demonstrasi, bercerita dan sebagainya. Metode ini sebenarnya lebih bersifat sehala dan berpusatkan guru. Metode syarahan ini sebenarnya merupakan cara penyampaian terhadap sesuatu pengajaran yang tertua di dunia.

Seandainya guru membaca teks sahaja, perkara ini tidak dikatakan sebagai syarahan. Metode syarahan ini menghendaki guru membuat interpretasi, menghuraikan idea, mentafsirkannya dan membuat taakulan. Masalah yang selalu timbul ialah kekerapan guru menyalahgunakannya. Sebagai contoh, jika terlalu banyak maklumat yang diberikan dalam satu sesi syarahan, akhirnya ia menjadi tidak

---

<sup>33</sup> Ahmad Rafaai Ayudin (2002), *Pedagogi Pengetahuan Didaktik Untuk Guru*. Ampang: Penerbitan Salafi, hal. 97.

bernilai lagi kerana belum tentu pelajar dapat menyerap dan mencatat kesemuanya. Syarahan sepatutnya hendaklah ringkas, padat dan berfokus.<sup>34</sup>

### 2.3.2 Metode Soaljawab

Metode soaljawab ini merupakan salah satu perkara yang penting di dalam mengesan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik pembelajaran. Metode ini juga telah lama wujud dan di amalkan dalam menyampaikan dakwah sejak dahulu lagi. Kelebihan yang terdapat pada kaedah ini ialah guru dapat mengawasi tingkahlaku pelajar, memberi penekanan kepada mereka terhadap kepentingan sesuatu topik secara langsung.<sup>35</sup>

Bagi menjadikan metode berkesan, guru hendaklah mempunyai kemahiran menyoal. Kelebihan metode ini sebenarnya dapat membangkitkan kecerdasan para pelajar berfikir. Guru bukan sahaja dapat membimbing para pelajar malah dapat membentuk disiplin mereka dan peka terhadap isu-isu yang disampaikan.

Menurut Ghazali Darusalam, guru perlu melaksanakan metode ini dengan melalui beberapa peringkat tertentu seperti :

- a. Mulakan dengan soalan-soalan ringan, cerita dan sebagainya yang ada kaitan dengan tajuk.
- b. Elakkan menujukan soalan kepada pelajar yang sama .
- c. Libatkan seramai mungkin pelajar dalam sesi soal jawab berkenaan.
- d. Para pelajar perlu digalakkan menjawab soalan secara lengkap dengan menggunakan bahasa yang ringkas, jelas dan tepat.

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, hal. 98

<sup>35</sup> *Ibid.*, hal. 99.

- e. Jika jawapan yang diberikan kurang lengkap, guru perlulah menjelaskan perkara tersebut atau meminta pelajar lain membantu rakannya.
- f. Sebelum penutup guru perlulah membuat kesimpulan terhadap soal jawab yang dikemukakan itu.<sup>36</sup>

### 2.3.3 Metode Hafalan / Latihtubi

Metode hafalan merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang banyak melibatkan ingatan secara langsung. Metode ini dianggap penting untuk menguatkan dan mengembangkan ingatan. Melalui cara ini apa yang dipelajari dapat dikeluarkan semula dengan lengkap. Kaedah ini memerlukan kesungguhan dan ketekunan bagi mengingatkan apa yang dipelajari melalui lisan ataupun bertulis. Terdapat tiga peringkat hafazan dalam mengingati sesuatu pelajaran:

- a. Peringkat hafalan sahaja iaitu mempelajari sesuatu tanpa memberi perhatian kepada kefahaman. Peringkat ini adalah peringkat hafalan yang paling rendah.
- b. Peringkat hafalan dan kefahaman. Cara ini memerlukan pemahaman terhadap apa yang dihafazkan. Cara ini amat digalakkan dan amat penting bagi mengingati sesuatu topik dengan baik.
- c. Peringkat hafalan, kefahaman dan analisis. Cara ini adalah cara yang memerlukan fikiran yang matang. Segala perkara yang dingatkan itu akan lebih mantap dalam fikiran seseorang.<sup>37</sup>

---

<sup>36</sup> Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, hal. 260.

<sup>37</sup> *Ibid.*, hal. 265.

Metode ini dapat digunakan dalam pelbagai mata pelajaran. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam contohnya, guru boleh menggunakan cara ini untuk pelajar menghafaz petikan dari ayat-ayat al-Quran dan potongan hadis-hadis tertentu.

### **2.3.4 Metode Tugasan**

Metode tugasan ini merujuk kepada latihan yang dijalankan selepas sesuatu pengajaran guru di dalam kelas. Biasanya tugas ini akan dilaksanakan oleh pelajar selepas mereka selesai berinteraksi dengan guru di bilik darjah. Sesuatu pembelajaran mungkin akan menjalani proses ulangkaji melalui metode ini. Tugasan ini diberikan kepada pelajar juga dengan bertujuan untuk memperkuatkan ingatan pelajar berkaitan topic tertentu dan ada ketikanya para pelajar akan melakukan tugas ini apabila pulang ke rumah.<sup>38</sup>

Metode ini mempunyai kelebihan tersendiri dan masih relevan dengan perkembangan pendidikan masa kini. Cara ini lebih bermakna jika tugas yang diberikan amat berkaitan dengan apa yang dipelajari oleh pelajar pada hari tersebut. Dalam hal ini pihak guru perlulah membuat pertimbangan sewajarnya supaya tugas yang diberikan itu tidak bertimbun-timbun yang akhirnya memberi impak kepada guru sendiri sewaktu hendak memeriksa tugas yang telah selesai dilaksanakan.<sup>39</sup> Sekiranya situasi ini berlaku, metode yang bertujuan untuk membantu para pelajar memahami sesuatu topik seperti ini tidak akan memberi kesan terhadap proses pengajaran yang telah dijalankan oleh seseorang guru berkaitan.

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, hal 101.

<sup>39</sup> *Ibid.*, hal 102.

### **2.3.5 Metode Anugerah**

Setiap pelajar akan merasa bangga apabila mereka dihargai dan hasil kerja mereka diterima. Penggunaan metode seumpama ini akan meningkatkan harga diri pelajar dan meningkatkan keyakinan mereka.

Anugerah ini boleh dilakukan dengan mudah tanpa memerlukan perancangan yang teliti semasa sesi pengajaran dijalankan. Antara bentuk anugerah yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar itu ialah dengan memberikannya kata-kata pujian. Ini adalah satu cara yang cukup mudah dilakukan. Sebagai contohnya apabila seseorang pelajar selesai melaksanakan tugas tertentu atau dapat menjawab dengan betul terhadap sesuatu soalan yang dikemukakan, ia akan diberi pujian secara lisan, tulisan dan berbentuk simbolik.<sup>40</sup>

Metode ini juga akan menunjukkan kesan yang positif terhadap sesuatu topik pengajaran jika seseorang guru itu memberi penghormatan dengan memanggil seseorang pelajar datang kehadapan kelas dan memuji hasil kerjanya dihadapan rakan sekelas dan meminta mereka mencontohnya. Metode ini secara langsungnya akan menjadikan guru berkenan akan lebih peka terhadap tindak balas pelajar terhadap pengajarannya di dalam bilik darjah.

### **2.4.6 Metode Hukuman**

Hukuman merupakan sesuatu perkara yang dikenakan keatas seseorang individu pelajar yang tidak melaksanakan tugas yang diberikan. Dalam konsep pengajaran dan pembelajaran, metode ini bertujuan semata-mata untuk mendidik

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, hal. 113

seseorang pelajar supaya lebih bersungguh di dalam menimba ilmu pengetahuan. Namun seseorang guru itu perlu berhati-hati semasa melakukan hukuman berkenaan agar tidak terlalu kasar dan mendatangkan bahaya kepada pelajar.

Dalam perkara ini Ibnu Khaldun menegaskan hukuman yang terlalu keras akan menyebabkan seseorang pelajar itu terbiasa dengan situasi tersebut dan akan membuatkan mereka sentiasa merasa tertekan dan mempengaruhi keperibadian mereka. Ekoran daripada kekerasan yang tidak diharuskan oleh syarak ini akan membuatkan para pelajar ini menjadi terus malas dan mendorong mereka untuk berbohong serta menipu dalam sesuatu keadaan bagi mengelakkan daripada dihukum.<sup>41</sup>

Hukuman yang keterlaluan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar ini juga akan mengakibatkan mereka terasa diri mereka terpinggir dan beranggapan mereka tidak mempunyai sebarang nilai positif seperti orang lain. Situasi ini akan terus menjerumuskan mereka menjadi golongan yang paling rendah dikalangan mereka yang rendah.<sup>42</sup> Mereka akan terus tersisih dan kemungkinan tahap kehidupan mereka berada dalam keadaan yang tidak sepatutnya berlaku keatas seseorang manusia yang mempunyai banyak kelebihan berbanding makhluk lain dimuka bumi ini.

Namun, hukuman yang dikenakan itu adalah pilihan yang terakhir dan perlu mengikut prosuder sepatutnya seperti:

---

<sup>41</sup> Ibn Khaldun (2000), *op.cit.*, hal. 776.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hal. 777.

- a. Hukuman yang dikenakan itu tidak mengikut emosi tetapi ia sebagai satu cara membimbing dan menyedarkan pelajar.
- b. Hukuman berkenaan perlu bersandarkan kepada alasan yang boleh diterima serta berpegang kepada prinsip yang betul.
- c. Hukuman berkenaan boleh memberikan kesan positif kepada pelajar dan mereka bersedia memperbaiki kesilapan yang dilakukan.
- d. Seterusnya guru perlu memberi peluang kepada pelajar berubah dalam satu-satu tempoh tertentu.<sup>43</sup>

Menerusi metode hukuman ini sebenarnya berperanan sebagai satu cara untuk menghapuskan perilaku yang negatif agar proses pemindahan ilmu pengetahuan berjalan dengan lancar semasa pengajaran guru di dalam kelas tertentu.

### **2.3.5 Metode Tunjukcara**

Metode tunjukcara adalah salah satu cara menyampaikan pengajaran terhadap sesuatu topik tertentu secara lebih terperinci berserta penerangan guru yang jelas. Dalam proses pengajaran seperti ini guru perlu menyediakan secara langsung bersangkutan objek berkaitan atau prosesnya, atau menunjukkan cara melakukan sesuatu.

Dalam kaedah ini, yang diutamakan ialah pemerhatian murid secara langsung terhadap sesuatu objek atau proses, kemudian membuat kesimpulan tertentu. Melalui kaedah ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara terus dengan situasi pembelajaran. Mereka akan memperoleh pengalaman langsung dalam

---

<sup>43</sup> Ahmad Rafaaif Ayudin (2002), *op.cit.*, hal. 116.

mendapatkan kemahiran , pengetahuan, kesimpulan dalam bahagian tajuk-tajuk tertentu yang berkaitan.<sup>44</sup>

Diantara perkara-perkara yang perlu diambil perhatian terhadap sesuatu proses pengajaran berbentuk tunjukcara ini ialah:<sup>45</sup>

- a. Guru perlu menyediakan objek tertentu yang hendak ditunjukkan.
- b. Memastikan kedudukan pelajar berada dalam keadaan yang sesuai terhadap perkara yang hendak ditunjukkan, sebaik-baiknya para pelajar berdiri.
- c. Seseorang guru perlu memilih posisi yang tidak melindungi penglihatan para pelajar.
- d. Ketika melakukan tunjukcara berkenaan guru perlulah memerhati reaksi para pelajar terhadap perkara yang sedang disampaikan itu.
- e. Guru perlu menyoal beberapa orang pelajar ketika tunjukcara itu sedang dilakukan terhadap kumpulan berkenaan untuk memastikan mereka memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkara yang ditunjukkan itu.
- f. Guru perlu mengulangi proses tunjukcara berkaitan sesuatu tajuk tersebut supaya apa yang disampaikan itu akan menjadi lebih jelas.
- g. Guru juga perlu menyuruh beberapa orang pelajar cuba mengulangi semula terhadap perkara yang telah ditunjukkan sebelum itu untuk melihat beberapa perkara yang kurang difahami oleh kumpulan pelajar berkenaan.

---

<sup>44</sup> Ghazali Darusalam (2001), *op. cit.*, hal. 281.

<sup>45</sup> *Ibid.*, hal. 283

### **2.3.6 Metode Perbincangan**

Metode ini merupakan suatu cara yang membolehkan suatu kumpulan pelajar berfikir secara kreatif dengan merangsang idea-idea berkaitan tajuk-tajuk yang dibahaskan. Guru perlu menetapkan garis panduan tertentu berkaitan tajuk berkenaan dan memberi ulasan kepada setiap pendapat yang diberikan oleh seseorang pelajar.

Berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan tajuk tertentu, guru perlu mengaktifkan para pelajar dengan melontarkan kepada mereka idea-idea yang bersangkutan perbincangan tersebut.<sup>46</sup> Metode perbincangan ini boleh juga dijalankan dalam bentuk *halaqah* iaitu guru berada ditengah-tengah pelajar yang membuat bulatan atau separuh bulatan semasa membincangkan sesuatu tajuk. Seterusnya guru perlu membuat kesimpulan terhadap perkara yang diperbincangkan itu.<sup>47</sup>

---

<sup>46</sup> Ahmad Rafaa'i Ayudin (2002), *op.cit.*, hal.110.

<sup>47</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metadologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, hal. 205.

## BAB III

### Metodologi Kajian

#### 3.0 Pengenalan

Dalam menentukan kebolehpercayaan terhadap sesuatu penyelidikan, pengkaji merasakan amat perlu membuat pemilihan yang tepat terhadap metodologi sesuatu kajian bagi memperolehi maklumat dan data yang diperlukan. Tujuan utama metodologi ini ialah untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan beberapa metode atau kaedah pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan seterusnya mengkaji keberkesanan metode-metode yang digunakan ketika mengajar di dalam kelas.

Bagi mempelolehi data dan maklumat mengenai metode pengajaran guru Pendidikan Islam dan keberkesanannya, pengkaji mendapatkan maklumat dan data kajian ini secara kajian lapangan. Tujuan kajian secara lapangan ini ialah untuk mendapatkan maklumat daripada *informen* atau sasaran kajian secara langsung dan seterusnya dibuat kesimpulan yang perlu berdasarkan data yang diperolehi. Ianya juga melibatkan pengalaman seorang pengkaji secara langsung dimana pengkaji mestilah berada di tempat kajian untuk pengamatan secara langsung untuk tujuan mendapatkan maklumat dengan lebih jelas lagi mengenai objek penelitian.<sup>48</sup>

Maklumat terhadap data-data yang diperolehi adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Data-data yang bersifat kualitatif ialah merujuk kepada bahan-bahan

---

<sup>48</sup> Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, hal. 29.

berbentuk dokumentasi dan juga berdasarkan pemerhatian aspek tertentu dengan melihat kepada unsur-unsur yang mempunyai kualiti dalam pemerolehan maklumat tertentu berkaitan topik kajian. Data yang bersifat kualitatif ini akan dianalisis dan dibuat ulasan dalam bentuk huraihan deskriptif.

Seterusnya, data kajian ini juga lebih menjurus kepada pemerolehan data yang berbentuk kuantitatif. Ini adalah kerana data kuantitatif bersifat lebih sistematik, mudah dianalisis dan maklumat dapat dikemukakan dengan tepat serta ditunjukkan dalam bentuk jadual yang merangkumi bilangan dan peratusan.

Seterusnya, perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian dalam metodologi kajian ini ialah:

### **3.1 Metode penentuan subjek**

Metode penentuan subjek bagi kajian ini melibatkan pemilihan sample kajian, tempat kajian dan pemilihan topik kajian dan prosuder kajian.

#### **3.1.1 Populasi dan Sampel**

Populasi ialah sekumpulan unsur atau benda (sama ada bernyawa atau tidak bernyawa) yang menjadi perkara kepada kajian kita. Manakala sampel ialah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada satu rangka persampelan. Sampel dikatakan mewakili sesuatu populasi di dalam sebarang tinjauan.<sup>49</sup> Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 72 orang daripada 203 orang pelajar tingkatan 5 di salah sebuah sekolah menengah teknik di negeri Selangor Darul Ehsan

---

<sup>49</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1988), Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi Satu Pengenalan . Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka., hal. 44.

iaitu Sekolah Menengah Teknik Kajang. Pelajar-pelajar dipilih secara persampelan rawak mudah mewakili populasi pelajar aliran teknik dan aliran vokasional tingkatan 5 di sekolah berkenaan. Kaedah persampelan rawak mudah atau *simple random sampling* dipilih kerana populasi adalah seragam. Sampel daripada pelajar tingkatan 5 sahaja dipilih kerana mereka bakal menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) pada hujung tahun. Pengkaji tidak memilih dikalangan pelajar tingkatan 4 kerana pelajar-pelajar tersebut baru sahaja melaporkan diri ketika sesi kajian dijalankan.

Kesemua pelajar beragama Islam yang mengikuti aliran teknik dan vokasional ini diwajibkan mengambil mata pelajaran pendidikan Islam dalam peperiksaan SPM. Subjek ini diajar sebanyak empat waktu seminggu iaitu tiga waktu mengikuti pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas dan satu waktu amali solat di surau.

### **3.1.2 Pemilihan topik kajian**

Pemilihan topik ini dibuat berdasarkan perlu dan pentingnya penguasaan masyarakat pelajar aliran teknikal kepada pengetahuan yang didapati dalam subjek pendidikan Islam. Ini adalah kerana menerusi pembelajaran subjek pendidikan Islam di sekolah-sekolah peringkat menengah, menyediakan satu input penting dalam membentuk individu-individu berilmu dan berakhhlak mulia yang mempunyai keseimbangan dari segi fizikal dan spritual.

Keseimbangan kepada kedua-dua aspek ini akan terjawab dengan sendirinya menerusi metode-metode pengajaran yang berkesan di dalam subjek pendidikan

Islam. Secara langsungnya, hasil daripada penguasaan sepenuhnya terhadap metode yang berkesan akan menambahkan minat para pelajar terhadap subjek ini.

Penggunaan metode yang sesuai dan minat pelajar terhadap subjek ini akan menjadi teras utama dalam menjamin kesinambungan antara ilmu berbentuk kerohanian dan ilmu yang berasaskan kemahiran. Justeru itu, menerusi penguasaan ilmu-ilmu yang dimuatkan didalam subjek ini pastinya akan melahirkan masyarakat industri yang boleh dibanggakan kelak.

### **3.1.3 Prosedur pelaksanaan kajian**

Data-data kajian ini dikumpul dengan mengikuti beberapa prosedur seperti berikut:

- a. Mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam untuk menjalankan kajian berkaitan topik yang diluluskan.
- b. Mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.
- c. Mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah khasnya Panitia Pendidikan Islam.
- d. Mengedarkan sendiri borang soal selidik kepada pelajar-pelajar yang dipilih oleh ketua panitia Pendidikan Islam. Pengkaji memberi penerangan ringkas sebagai panduan mengisi dan melengkapkan borang soal selidik berkenaan dengan betul.
- e. Mengumpul semula borang yang telah lengkap diisi setelah setiap responden diberi masa selama 20 minit.

- f. Proses penganalisaan data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS versi 12.0. Seterusnya data-data diperbincangkan dan dibuat rumusan.

### **3.2 Metode pengumpulan data.**

Pengumpulan data terhadap kajian ini melibatkan beberapa sumber utama bagi menjamin kesahihan dapatan kajian iaitu :

#### **3.2.1 Dokumentasi**

Melalui dokumentasi ini, pengumpulan data-data dan maklumat adalah disandarkan kepada sesuatu bahan yang ada kaitan dengan permasalahan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan penelitian terhadap dokumen yang berkaitan dengan aspek kajian. Pengumpulan data berdasarkan dokumentasi ini merupakan sumber yang sangat penting bagi menyokong data-data yang diperolehi dari sumber-sumber yang lain dan keperluan terhadap data-data ini akan membantu dalam penghasilan setiap bab kajian.

Pengkaji akan mendapatkan maklumat berkaitan topik kajian berdasarkan metode ini, melalui buku-buku hasil penulisan ahli akademik dan para sarjana serta penyelidikan yang telah mereka jalankan. Pengumpulan data berdasarkan dokumentasi ini juga diperolehi dalam jurnal-jurnal tertentu, suratkhabar, majalah-majalah ilmiah dan lain-lain artikel yang berkaitan dengan kajian ini.

### **3.2.2 Pemerhatian**

Proses pengumpulan data melalui pemerhatian ini dijalankan dengan melakukan pemerhatian tidak formal untuk mendapatkan apa sahaja maklumat berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran subjek pendidikan Islam di sekolah berkenaan. Berdasarkan tinjauan ini, pengkaji akan melihat secara tidak langsung beberapa aspek yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran seperti kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh sekolah, suasana pelaksanaan amali solat di surau dan suasana pembelajaran di dalam kelas.

Pengkaji telah membuat pemerhatian secara tidak formal ini pada 16 Januari 2012 pukul 12.30 tengahari hingga 2.00 petang untuk melihat perilaku para pelajar di dalam kelas pada waktu tengahari semasa pengajaran guru manakala pada 19 Januari 2012 pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi untuk melihat suasana proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas pada waktu pagi dan pada 1 Februari 2012 pukul 10.30 pagi hingga 2.00 petang pengkaji melihat respons pelajar terhadap pengajaran guru di dalam kelas dan suasana pergerakan pelajar ketika amali solat di surau sekolah.

### **3.2.3 Soal selidik**

Soal selidik merupakan nadi utama sesuatu penyelidikan dalam erti kata ia merupakan pengganti diri penyelidik. Soal selidik juga merupakan penyambung di antara penyelidik dengan responden kajian.<sup>50</sup> Soal selidik ini untuk melihat persepsi pelajar terhadap metode pengajaran yang telah digunakan oleh guru mereka dan juga sebagai input utama dalam menghasilkan dapatan kajian ini.

---

<sup>50</sup> Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 53.

Pengkaji telah menyediakan satu set soal selidik bagi tujuan pengumpulan data untuk dianalisis. Set soal selidik ini mengandungi dua puluh soalan yang diedarkan kepada 72 orang pelajar.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi 3 soalan berbentuk demografi yang mengandungi maklumat diri responden, dan Bahagian B (20 soalan) mengandungi soalan berhubung metode pengajaran guru dan persepsi pelajar terhadap keberkesanannya metode pengajaran yang digunakan di dalam kelas. Berdasarkan kepada soal selidik ini, pengkaji akan memperolehi maklumat dan data terkini berkaitan topik kajian dari segi kekuatan dan kelemahan metode-metode pengajaran subjek pendidikan Islam dan keberkesanannya secara lebih jelas lagi.

Soal selidik yang dijalankan terhadap pelajar ini menggunakan skala Likert bagi mengukur tahap persetujuan pelajar terhadap permasalahan yang dikemukakan. Tahap persetujuan responden terhadap permasalahan berdasarkan kepada Skala Likert empat pilihan, iaitu skala 1 = sangat tidak setuju (STS), skala 2 = tidak setuju (TS), skala 3 = setuju (S) dan skala 4 = sangat setuju (SS). Data yang diperoleh ini dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 12. Statistik deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min digunakan bagi memaparkan data yang diperolehi bagi melihat metode pengajaran dan keberkesanannya.

### **3.3 Metode analisa data**

Setelah data-data diperolehi, pengkaji menggunakan beberapa metode untuk menganalisa data-data berkenaan melalui:

- i. Metode Induktif.
- ii. Metode Deduktif
- iii. Metode Komparatif

#### **3.3.1 Metode Induktif**

Perkataan induktif berasal dari perkataan dalam bahasa Latin *Inducere* bermaksud membawa atau menuju kepada. Menurut Mohd Michael Abdullah, ‘pemikiran berbentuk induktif biasanya sesuatu pernyataan berbentuk khusus kepada pernyataan yang lebih umum.’<sup>51</sup>

Bentuk induktif ini biasanya digunakan bagi memproses data yang didapati daripada dokumen-dokumen atau daripada soalan-soalan terbuka atau data-data yang dipungut melalui pemerhatian.<sup>52</sup>

Metode induktif ini akan digunakan dalam mendapatkan data berkaitan tajuk kajian di dalam bab satu dan bab dua yang membahaskan perkara pokok berkaitan permasalahan kajian. Seterusnya, maklumat-maklumat ini akan dicerakinkan menjadi lebih luas dan dikaitkan dengan pembuktian selanjutnya.

---

<sup>51</sup> Mohd. Michael bin Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 103.

<sup>52</sup> Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *op.cit.*,hal. 81.

### **3.3.2 Metode Deduktif**

Penggunaan metode deduktif ini akan menggukuhkan data-data yang diperolehi dalam penghasilan bab seterusnya dalam kajian ini. Maklumat terhadap data deduktif ini adalah merujuk pernyataan-pernyataan yang bersifat umum kepada pernyataan yang lebih khusus. Metode ini juga digunakan dalam meneliti hujah-hujah serta pendapat-pendapat para sarjana melalui hasil penulisan mereka.

Perkataan deduktif berasal daripada bahasa Latin, iaitu *Deducere* yang bererti 'membawa atau menuju daripada'. Hujah deduktif biasanya menuju daripada pernyataan umum kepada pernyataan khusus.<sup>53</sup>

Pengkaji menjadikan bentuk metode deduktif bagi menyandarkan bukti-bukti terhadap permasalahan kajian hasil daripada pengumpulan data yang diperolehi.

### **3.3.3 Metode Komparatif**

Pengkaji menggunakan metode komparatif ini dalam membandingkan sesuatu data yang diperolehi. Ini adalah kerana metode analisa data berbentuk komparatif ini ialah suatu cara membuat perbandingan diantara satu data dengan data yang lain bagi menghasilkan kesimpulan yang jelas. Penggunaan metode ini sesuai digunakan dalam perkara berkaitan dengan keputusan terhadap sesuatu data yang diperolehi berhubung tajuk kajian dan juga dalam menghasilkan rumusan serta kesimpulan terhadap permasalahan dalam kajian ini.

---

<sup>53</sup> Mohd Michael Abdullah (1995), *op.cit.*, hal. 103

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA SOAL SELIDIK**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini memaparkan keputusan data soal selidik yang telah diedarkan kepada 72 orang responden. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji akan menganalisis serta menghuraikan secara lebih lanjut setiap dapatan kajian berpandukan kekerapan, peratusan dan min yang diperolehi. Pengkaji membahagikan huraian dapatan kepada tiga bahagian iaitu 1) bahagian demografi; 2) bahagian metode pengajaran yang digunakan dalam P&P Pendidikan Islam; dan 3) bahagian keberkesanan metode pengajaran yang digunakan dalam P&P Pendidikan Islam. Setiap data yang diperolehi tersebut akan ditunjukkan melalui jadual dan akan diuraikan secara terperinci.

#### **4.1 Demografi**

**JADUAL 4.1.1: Jantina**

Jantina	Kekerapan	Peratus	Jumlah peratusan responden
Lelaki	65	90.3	90.3
Perempuan	7	9.7	9.7
Jumlah	72	100.0	100.0

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan jumlah responden berdasarkan jantina yang mewakili populasi keseluruhan subjek kajian yang dipilih secara rawak berjumlah seramai 72 orang. Kesemua responden telah memberi kerjasama dalam mengisi boring soal selidik dan memulangkan soal selidik yang telah diedarkan kepada

mereka. Paparan jadual di atas jumlah responden pelajar lelaki seramai 65 orang iaitu 90.3% dan jumlah responden pelajar perempuan hanya seramai 7 orang iaitu 9.7%. Jika dilihat jadual di atas pelajar lelaki jauh lebih ramai berbanding pelajar perempuan kerana kurikulum pengajian teknikal secara umumnya adalah lebih bersesuaian dengan minat pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan.

#### **JADUAL 4.1.2: Umur**

Umur	Kekerapan	Peratus	Jumlah peratusan responden
17	72	100.0	100.0

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini memaparkan kategori umur bagi responden kajian. Kesemua responden secara keseluruhannya berumur 17 tahun bagi setiap pelajar lelaki dan perempuan.

#### **JADUAL 4.1.3: Aliran**

Aliran	Kekerapan	Peratus	Jumlah peratusan responden
Teknik	29	40.3	40.3
Vokasional	43	59.7	59.7
Jumlah	72	100.0	100.0

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan jumlah responden berdasarkan jenis kursus atau aliran. Terdapat 2 aliran yang diceburi oleh kesemua 72 orang responden, iaitu aliran teknik dan aliran vokasional. Berdasarkan jadual di atas seramai 29 orang atau 40.3%

terdiri daripada aliran teknik dan seramai 43 orang responden atau 59.7% mewakili aliran vokasional.

#### **4.2 Dapatan Kajian Metode Pengajaran dalam P & P Subjek Pendidikan Islam**

Dalam bahagian ini pengkaji memaparkan hasil dapatan kajian berkaitan metode pengajaran subjek Pendidikan Islam di dalam P & P Pendidikan Islam. Kemudian pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan item soal selidik secara terperinci mengikut aliran kursus.

**JADUAL 4.2.1:** Metode pengajaran yang digunakan dalam P&P Pendidikan Islam

Bil	Item	Peratusan dan kekerapan				Min
		SS	S	TS	STS*	
1.	Guru menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai ketika mengajar.	34.7% (25)	65.3% (47)	0% (0)	0% (0)	3.34
2.	Guru menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar.	27.8% (20)	44.4% (32)	27.8% (20)	0% (0)	3.0
3.	Guru mengemukakan soalan berkaitan dengan topik tertentu secara lisan semasa pengajarannya.	43.1% (31)	56.9% (41)	0% (0)	0% (0)	3.43
4.	Guru memberi soalan latihan yang berbentuk latih tubi selepas satu topik yang diajar.	50% (36)	50% (36)	0% (0)	0% (0)	3.47

5.	Guru memberi kerja rumah selepas mengajar sesuatu topik.	37.5% (27)	62.5% (45)	0% (0)	0% (0)	3.37
6.	Guru memberi pujian apabila dapat menjawab soalan atau melaksanakan tugas dengan baik.	34.7% (25)	62.5% (45)	2.8% (2)	0% (0)	3.32
7.	Guru mengenakan hukuman/denda sekiranya anda tidak membuat tugas yang telah diberikan.	36.1% (26)	63.9% (46)	0% (0)	0% (0)	3.34
8.	Guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti carta, gambar dan benda majud semasa pengajarannya.	37.5% (27)	54.2% (39)	8.3% (6)	0% (0)	3.29
9.	Guru menunjukkan cara-cara melakukan tawaf secara praktikal dalam topik ibadat haji	16.7% (12)	47.2% (34)	36.1% (26)	0% (0)	2.80
10.	Guru mengarahkan anda mengadakan perbincangan berkumpulan bersama rakan mengenai sesuatu topik.	16.7% (12)	62.5% (45)	20.8% (15)	0% (0)	2.93

Sumber : Soal selidik pelajar.

\*SS-sangat setuju; S-setuju; TS-tidak setuju; STS-sangat tidak setuju

Jadual di atas menunjukkan paparan dapatan kajian metode pengajaran dalam P & P subjek Pendidikan Islam secara menyeluruh. Dapatan ini menunjukkan guru Pendidikan Islam mempelbagaikan metode pengajaran dalam P & P mereka dengan pada tahap tinggi,  $M=3.34$ . Di antara metode yang sering digunakan dengan pencapaian min yang tinggi,  $M=3.47$  ialah metode latih tubi. Ini diikuti oleh metode soal jawab dengan guru mengemukakan soalan selepas pengajaran sesuatu tajuk dengan  $M=3.43$ . Sebaliknya, berdasarkan paparan jadual di atas menunjukkan metode tunjuk cara berada pada tahap pencapaian sederhana iaitu  $M=2.80$  dimana metode ini adalah metode pengajaran yang paling kurang digunakan dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Ini diikuti oleh metode pengajaran berbentuk perbincangan

berkumpulan yang juga berada pada kedudukan min sederhana iaitu  $M=2.93$ . Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian mengikut item metode pengajaran secara lebih terperinci.

#### **JADUAL 4.2.2**

Item 1. Guru menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai ketika mengajar di kelas.

Aliran	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Teknik	22	8	29	
	30.6%	11.1%	40.3%	3.37
Vokasional	25	17	43	
	34.7%	23.6%	59.7%	3.52
Jumlah	47	25	72	
	65.3%	34.7%	100.0%	3.34

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan hasil soal selidik berkaitan kepelbagaian kaedah pengajaran yang sering kali digunakan oleh guru semasa mengajar di dalam kelas. Sebanyak 24 orang responden iaitu 34.7% ( $n=25$ ) daripada kedua-dua aliran menyatakan sangat bersetuju bahawa guru mempelbagaikan kaedah pengajaran semasa mengajar di dalam kelas dan sebanyak 65.3% ( $n=47$ ) daripada jumlah responden iaitu 65.3% bersetuju bahawa guru mempelbagaikan kaedah ketika mengajar di dalam kelas. Hasil dapatan kajian ini mendapati guru-guru Pendidikan Islam telah mempelbagaikan metode pengajaran bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai dengan min keseluruhan  $M=3.34$ .

### **JADUAL 4.2.3**

Item 2. Guru menggunakan kapur dan papan hitam ketika mengajar di dalam kelas.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	8	12	9	29	
	11.1%	16.7%	12.5%	40.3%	3.03
Vokasional	12	20	11	43	
	16.7%	27.58%	15.2%	59.7%	2.97
Jumlah	20	32	20	72	
	27.8%	44.4%	27.8%	100.0%	3.00

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini pula menunjukkan peratusan daripada hasil soal selidik yang menilai sejauh mana guru-guru menggunakan papan hitam sebagai metode utama dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Sebanyak 27.8% (n=20) responden daripada aliran Teknik dan Vokasional sangat setuju guru menggunakan kaedah kapur dan papan hitam ketika proses P&P berjalan. Sebaliknya sebanyak 44.4% (n=41) responden daripada kedua-dua aliran bersetuju guru mereka masih menggunakan kapur dan papan hitam dalam melaksanakan pengajaran di dalam kelas. Sebanyak 27.8% (n=20) daripada responden menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan di atas.

Berdasarkan kepada fakta di atas iaitu 72.7% dengan min 3.00 calon bersetuju guru masih menjadikan kaedah kapur dan papan hitam sebagai metode utama dalam menyampaikan pengajaran. Ini juga menunjukkan bahawa guru-guru kurang menggunakan peralatan pengajaran berasaskan teknologi terkini. Sebagai contohnya, guru boleh menyampaikan kandungan pengajaran dengan menggunakan *Power*

*Point, internet, tayangan gambar bagi menarik minat dan meningkatkan lagi pemahaman pelajar terhadap satu-satu topik. Ianya juga membantu memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran serta menjimatkan masa.*

#### **JADUAL 4.2.4**

Item 5. Guru mengemukakan soalan berkaitan dengan topik tertentu secara lisan semasa pengajarannya.

Aliran	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Teknik	16	14	29	
	22.2%	19.5%	40.3%	3.58
Vokasional	25	17	43	
	34.7%	23.6%	59.7%	3.32
Jumlah	41	31	72	
	56.9%	43.1%	100.0%	3.43

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini memaparkan jumlah responden yang menyatakan pendirian mereka berkaitan metode soal jawab secara lisan semasa guru mengajar di dalam kelas. Sebanyak 56.9% (n=41) responden daripada kedua-dua aliran bersetuju bahawa guru mengemukakan soalan secara lisan berkaitan topik pengajarannya semasa mengajar di dalam kelas dan sebanyak 43.1% (n= 31) responden daripada kedua-dua aliran sangat bersetuju bahawa guru mengemukakan soalan secara lisan semasa mengajar di dalam kelas. Hasil dapatan di atas menunjukkan guru menggunakan metode soal jawab selepas selesai menyampaikan sesuatu tajuk yang disampaikan kepada para pelajarnya pada tahap tinggi dengan  $M= 3.43$ .

#### **JADUAL 4.2.5**

Item 7. Guru memberikan latihan yang berbentuk latih tubi selepas satu topik yang diajar.

Aliran	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	18	11	29	
	25.0%	15.3%	40.3%	3.37
Vokasional	18	25	43	
	25.0%	34.7%	59.7%	3.58
Jumlah	36	36	72	
	50.0%	50.0%	100.0%	3.47

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan peratusan responden yang menyatakan guru memberikan latihan berbentuk latih tubi selepas sesuatu topik diajarkan di dalam kelas. Sebanyak 50.0% (n=36) responden daripada kedua-dua aliran menyatakan setuju bahawa guru menggunakan metode latih tubi sebagai pengukuhan terhadap sesuatu topik yang telah disampaikannya di dalam kelas. Seterusnya, seramai 36 orang calon (n=36) iaitu 50.0% juga menyatakan sangat setuju bahawa guru memberikan soalan latih tubi selepas sesuatu topik diajarkan di dalam kelas.

Berdasarkan pecahan peratus di atas, guru menggunakan metode latihan latih tubi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sebanyak 34.7% (n=25) responden daripada aliran vokasional menyatakan sangat setuju guru mereka menggunakan metode latih tubi semasa mengajar di dalam kelas. Sebanyak iaitu 15.3% (n=11) daripada pelajar aliran teknik menyatakan sangat setuju guru menggunakan metode latih tubi semasa pengajaran di dalam kelas. Ini membuktikan

guru lebih banyak menggunakan metode ini apabila berhadapan dengan pelajar aliran vokasional dengan  $M= 3.47$ .

#### **JADUAL 4.2.6**

Item 9. Guru memberi kerja rumah selepas mengajar sesuatu topik.

Aliran	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	17	12	29	
	23.6%	16.7%	40.3%	3.41
Vokasional	28	15	43	
	38.9%	20.8%	59.7%	3.34
Jumlah	45	27	72	
	62.5%	37.5%	100.0%	3.37

Sumber : Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap guru yang memberikan kerja rumah sebagai salah satu metode pengajaran selepas sesuatu tajuk disampaikan kepada mereka di dalam kelas. Sebanyak 62.5% ( $n = 45$ ) daripada responden bersetuju bahawa guru memberikan kerja rumah kepada mereka selepas mengajar sesuatu tajuk. Manakala iaitu 37.5% ( $n = 27$ ) daripada jumlah responden menyatakan sangat setuju bahawa guru memberikan kerja rumah selepas pengajaran sesuatu tajuk diajarkan di dalam kelas.

Berdasarkan data di atas, 100% responden ( $n = 72$ ,  $M = 3.37$ ) bersetuju bahawa guru memberikan kerja rumah selepas mengajar di dalam kelas. Sebanyak 38.9% ( $n= 28$ ,  $M=3.34$ ) responden daripada aliran vokasional setuju guru memberikan kerja rumah selepas mengajar sesuatu tajuk tertentu. Sebanyak 23.6% ( $n=17$ ,  $M = 3.41$ ) pelajar aliran teknik menyatakan setuju guru memberikan kerja rumah selepas menyampaikan sesuatu tajuk pengajarnya. Ini menjelaskan, guru

banyak memberi tugas kerja rumah kepada pelajar aliran vokasional berbanding aliran teknik sebagai pengukuhan terhadap pengajarannya. Ini menunjukkan bahawa pelajar aliran vokasional perlu lebih banyak pengukuhan dalam membantu mereka memahami topik yang dipelajar.

#### **JADUAL 4.2.7**

Item 11. Guru memberi pujian apabila anda dapat menjawab soalan atau melaksanakan tugas dengan baik.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	-	18	11	29	
		25.0%	15.3%	40.3%	3.37
Vokasional	2	27	14	43	
	2.8%	37.5%	19.4%	59.7%	3.27
Jumlah	2	45	25	72	
	2.8%	62.5%	34.7%	100.0%	3.32

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan peratusan tahap pujian guru terhadap para pelajarnya setelah mereka menjawab setiap soalan yang diajukan dan telah melaksanakan tugas dengan baik di dalam kelas. Hanya 2.8% ( $n = 2$ ) daripada responden menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan yang diajukan. Seterusnya sebanyak 34.7% ( $n=25$ ) responden daripada kedua-dua aliran teknik dan vokasional menyatakan sangat setuju bahawa guru akan memberi pujian apabila mereka berjaya menjawab soalan yang dikemukakan atau melaksanakan tugas yang diberi dengan baik.

Sebanyak 62.5% ( $n=45$ ) daripada responden sekadar bersetuju dengan soalan yang diajukan kepada mereka bahawa guru akan memberikan pujian selepas dapat

menjawab soalan dan melaksanakan tugas dengan baik semasa berada di dalam kelas. Berdasarkan data di atas, 37.5% ( $n = 27$ ) pelajar aliran vokasional dan 25.0% ( $n = 18$ ) pelajar aliran teknikal menyatakan guru mereka memberikan pujian apabila menjawab atau melaksanakan tugas dengan baik. Ini menunjukkan guru sering menggunakan metode pujian dalam pengajarnya di dalam kelas.

Berdasarkan dapatan kajian ( $M=3.32$ ), anugerah atau pujian ini amat penting semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran serta memberikan motivasi yang baik kepada pelajar-pelajar dalam memperolehi ilmu yang disampaikan. Secara tidak langsung, proses pengajaran guru dalam menyampaikan ilmu menjadi lebih menarik dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam individu pelajar.

#### **JADUAL 4.2.8**

Item 12. Guru mengenakan hukuman/denda sekiranya anda tidak membuat tugas yang telah diberikan

Aliran	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	21	8	29	
	29.2%	11.1%	40.3%	3.27
Vokasional	25	18	43	
	34.7%	25.0%	59.7%	3.41
Jumlah	46	26	72	
	63.9%	36.1%	100.0%	3.34

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan peratusan mengenai metode dendaan yang digunakan oleh guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan di dalam kelas. Sebanyak 63.9% ( $n = 46$ ) daripada responden kedua-dua aliran bersetuju guru

mengenakan dendaan jika mereka tidak melakukan tugas yang diberikan. Sebanyak 36.1% (n = 26) daripada keseluruhan responden menyatakan sangat setuju guru akan mendenda mereka jika tidak melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan.

Berdasarkan pecahan peratus di atas, metode dendaan juga digunakan oleh guru sebagai satu amaran kepada pelajar yang cuai terhadap tugas yang diberikan. Sebanyak 34.7% (n= 25) responden aliran vokasional setuju, mereka akan didenda sekiranya tidak membuat tugas dengan sempurna. Sebanyak 29.2% (n = 21) pelajar aliran teknik juga setuju mereka akan didenda sekiranya tidak membuat tugas dengan sempurna. Ini menunjukkan bahawa guru-guru mengenakan metode hukuman yang bersesuaian dan tidak menyalahi garis panduan yang dibenarkan dan boleh digunakan dalam situasi yang tertentu sahaja. Ini dibuktikan dengan tahap pencapaian min keseluruhan iaitu  $M=3.34$ .

#### **JADUAL 4.2.9**

Item 15. Guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti carta, gambar dan benda maujud semasa pengajarannya.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	4	17	8	29	
	5.6%	23.6%	11.1%	40.3%	3.13
Vokasional	2	22	19	43	
	2.8%	30.6%	26.4%	59.7%	3.4
Jumlah	6	39	27	72	
	8.3%	54.2%	37.5%	100.0%	3.29

Sumber : Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan penggunaan benda maujud semasa pengajaran guru di dalam kelas. Sebanyak

8.3% (n = 6) daripada responden menyatakan tidak setuju guru mereka menggunakan BBM atau benda maujud semasa pengajarannya di dalam kelas. Sebanyak 37.5% (n=27) daripada responden menyatakan sangat setuju bahawa guru menggunakan BBM semasa proses pengajarannya di dalam kelas. Seterusnya sebanyak 54.2% (n=39) daripada jumlah responden hanya bersetuju guru mereka selalu menggunakan BBM dan benda maujud semasa pengajarannya di dalam kelas. Dapatkan soal selidik ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam menggunakan BBM dan benda maujud semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan pada tahap tinggi dengan  $M=3.29$ .

#### **JADUAL 4.2.10**

Item 17. Guru anda menunjukkan cara-cara melakukan tawaf secara praktikal dalam topik ibadat haji.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	10	14	5	29	
	14%	19.4%	6.9%	40.3%	2.82
Vokasional	16	20	7	43	
		27.8%	9.7%	59.7%	2.79
Jumlah	26	34	12	72	
	36.1%	47.2%	16.7%	100.0%	2.80

Sumber : Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan tahap persetujuan pelajar terhadap metode atau kaedah tunjuk cara secara praktikal yang diguna oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sebanyak 36.1% (n = 26) daripada responden menyatakan tidak setuju guru menggunakan metode tunjuk cara semasa menjalankan pangajarannya berkaitan tajuk tawaf semasa mengerjakan ibadat haji di dalam kelas.

Sebanyak 47.2% ( $n = 34$ ) menyatakan mereka bersetuju bahawa guru mereka menunjukkan secara praktikal sebagai salah satu metode pengajarannya berkaitan tawaf semasa mengerjakan ibadat haji. Hanya 12 orang iaitu 16.7% daripada responden menyatakan sangat setuju guru mereka menunjukkan secara praktikal cara-cara melakukan tawaf di dalam ibadat haji sebagai salah satu metode pengajarannya di dalam kelas.

Jika dibandingkan dengan metode-metode pengajaran yang telah dibincangkan di atas, hasil dapatan soal selidik menunjukkan bahawa keadah tunjuk cara adalah metode yang paling kurang digunakan dengan  $M = 2.80$  dalam proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam.

#### **JADUAL 4.2.11**

Item 19. Guru mengarahkan anda mengadakan perbincangan berkumpulan bersama rakan mengenai sesuatu topik.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	7	20	2	29	
	9.7%	27.8%	2.8%	40.3%	2.82
Vokasional	8	25	10	43	
	11.1%	34.7%	13.9%	59.7%	3.04
Jumlah	15	45	12	72	
	20.8%	62.5%	16.7%	100.0%	2.93

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan peratusan tahap persetujuan responden yang menyatakan guru mereka sering menggunakan metode perbincangan berkumpulan semasa melaksanakan pengajarannya di dalam kelas. Seramai 15 orang iaitu 20.8%

responden tidak bersetuju guru mereka mengarahkan menjalankan perbincangan berkumpulan berkaitan tajuk tertentu semasa mengajar di dalam kelas. Sebanyak 62.5% (n=45) menyatakan setuju guru mereka menggunakan metode pengajaran perbincangan secara berkumpulan berkaitan tajuk tertentu semasa proses pengajarannya di dalam kelas. Seterusnya, sebanyak 16.7% (n=12) daripada responden menyatakan sangat setuju guru mereka mengarahkan supaya diadakan perbincangan berkumpulan berkaitan topik tertentu dalam proses pengajarannya di dalam kelas. Daripada dapatan kajian dengan  $M= 2.93$ , didapati bahawa metode perbincangan berkumpulan digunakan oleh guru pada tahap sederhana berbanding dengan metode-metode pengajaran yang lain.

#### **4.3 Dapatan Kajian Keberkesanan Metode Pengajaran dalam P&P Subjek Pendidikan Islam.**

Dalam bahagian ini pengkaji akan memaparkan hasil dapatan kajian berkaitan tahap keberkesanan metode pengajaran yang digunakan oleh guru-guru pendidikan Islam semasa menjalankan P & P di dalam kelas.

**JADUAL 4.3.1 : Keberkesanan Metode Pengajaran dalam P & P Pendidikan Islam**

Bil	Item	Peratusan dan kekerapan				Min
		SS	S	TS	STS	
1.	Anda dapat dengan menggunakan kaedah kapur dan papan hitam dapat membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.	27.8% (20)	36.1% (26)	36.1% (26)	0% (0)	2.91
2.	Dengan menggunakan kaedah penerangan dapat membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.	16.7% (12)	62.5% (45)	20.8% (15)	0% (0)	2.95
3.	Dengan kaedah soal jawab ini, dapat meningkatkan pemahaman anda terhadap topik yang diajar dengan berkesan.	61.1% (44)	38.9% (28)	0% (0)	0% (0)	3.60

4.	Dengan metode latih tubi ini, dapat memudahkan anda memahami topik yang anda telah pelajari dengan berkesan.	63.9% (46)	36.1% (26)	0% (0)	0% (0)	3.63
5.	Dengan membuat kerja rumah yang diberikan dapat membantu anda memahami topik tersebut dengan berkesan.	20.8% (15)	48.6% (35)	30.6% (22)	0% (0)	2.89
6.	Anda akan menyiapkan kerja rumah atau tugas kerana takut didenda/dihukum.	29.2% (21)	70.8% (51)	0% (0)	0% (0)	3.25
7.	Dengan kaedah hukuman/dendaan ini dapat membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.	27.8% (20)	45.8% (33)	26.4% (19)	0% (0)	2.95
8.	Dengan menggunakan bahan bantu mengajar ia dapat memudahkan anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.	31.9% (23)	68.1% (49)	0% (0)	0% (0)	3.32
9.	Melalui metode tunjuk cara (seperti contoh di no. 17) dapat membantu anda memahami topik tertentu dengan berkesan.	37.5% (27)	48.6% (35)	13.9% (10)	0% (0)	3.23
10	Dengan cara perbincangan berkumpulan membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.	37.5% (27)	45.8% (33)	16.7% (12)	0% (0)	3.20

Sumber : Soal selidik pelajar.

\*SS-sangat setuju; S-setuju, TS-tidak setuju; STS-sangat tidak setuju

Hasil dapatan kajian terhadap keberkesanan metode pengajaran menunjukkan metode latih tubi mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi dengan  $M=3.63$ . Selain itu, metode soal jawab juga antara metode yang mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi dalam kalangan pelajar dengan  $M=3.60$ . Begitu juga dengan penggunaan bahan bantu mengajar menjadikan pengajaran guru lebih berkesan, ini dibuktikan dengan  $M=3.32$ , secara langsungnya menunjukkan guru perlu menggunakan bahan bantu mengajar bagi memudahkan para pelajar memahami sesuatu tajuk dengan baik. Seterusnya pengkaji akan memaparkan hasil dapatan berdasarkan item soal selidik berkaitan keberkesanan pangajaran guru secara lebih terperinci berdasarkan jadual dibawah.

### **JADUAL 4.3.2**

Item 3. Anda dapat dengan menggunakan kaedah kapur dan papan hitam dapat membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Teknik	10 13.9%	11 15.3%	8 11.1%	29 40.3%	2.93
Vokasional	16 22.2%	15 20.8%	12 16.7%	43 59.7%	2.90
Jumlah	26 36.1%	26 36.1%	20 27.8%	72 100.0%	2.91

Sumber : Soal selidik pelajar.

Jadual di atas memaparkan sejauh mana keberkesanan kaedah penggunaan kapur dan papan hitam membantu pelajar memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Sebanyak 27.8% (n=20) menyatakan sangat setuju. Seterusnya, 36.1% (n=26) daripada jumlah responden hanya bersetuju bahawa menerusi kaedah pengajaran dengan menggunakan kapur dan papan hitam membantu mereka dalam memahami sesuatu topik yang diajar dengan berkesan. Sebanyak 36.1% (n=26) menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan item di atas.

Berdasarkan dapatan tersebut, menunjukkan keberkesanan penggunaan kapur dan papan hitam sebagai kaedah utama dalam menyampaikan maklumat masih berada ditahap yang sederhana dengan  $M = 2.91$ .

Justeru itu, guru-guru perlu menggunakan metode yang pelbagai selain daripada kapur dan papan hitam dalam meningkatkan metode pengajaran mereka di

dalam kelas dan membantu tahap penguasaan pelajar terhadap sesuatu topik yang dipelajari.

### **JADUAL 4.3.3**

Item 4. Anda memahami sesuatu topik dengan berkesan berdasarkan kepada syarahan guru.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	6	18	5	29	
	8.3%	25.0%	6.9%	40.3%	2.96
Vokasional	9	27	7	43	
	12.5%	37.5%	9.72%	59.7%	2.95
Jumlah	15	45	12	72	
	20.8%	62.5%	16.7%	100.0%	2.95

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan hasil soal selidik berkaitan keberkesanan metode penerangan/syarahan yang digunakan oleh guru di dalam kelas. Sebanyak 62.5% (n=45) responden daripada kedua-dua aliran bersetuju bahawa mereka dapat memahami sesuatu tajuk yang disampaikan berdasarkan syarahan guru. Seterusnya, sebanyak 16.7% (n=12) daripada kedua-dua aliran sangat bersetuju melalui metode syarahan dapat membantu mereka memahami sesuatu tajuk yang disampaikan dengan berkesan. Berdasarkan peratusan di atas, penggunaan metode syarahan guru semasa menyampaikan maklumat kepada pelajar boleh dikatakan memberi kesan terhadap kefahaman pelajar dalam subjek Pendidikan Islam pada tahap sederhana dengan  $M=2.95$ .

#### JADUAL 4.3.4

Item 6. Melalui cara soal jawab dapat meningkatkan pemahaman anda terhadap topik yang diajar dengan berkesan.

Aliran	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	12	17	29	
	16.7%	23.6%	40.3%	3.58
Vokasional	16	27	43	
	22.2%	37.5%	59.7%	3.62
Jumlah	28	44	72	
	38.9%	61.1%	100.0%	3.6

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini pula memaparkan jumlah calon yang menyatakan pendirian mereka terhadap metode atau kaedah soal jawab ini membantu mereka memahami sesuatu topik yang disampaikan dengan berkesan. Sebanyak 61.1% (n=44) menyatakan sangat setuju bahawa metode soal jawab meningkatkan pemahaman mereka terhadap sesuatu topik yang disampaikan oleh guru di dalam kelas manakala sebanyak 38.9% (n=28) responden bersetuju menerusi metode soal jawab meningkatkan pemahaman mereka terhadap sesuatu topik yang disampaikan oleh guru di dalam kelas.

Berdasarkan data di atas 100% responden bersetuju dengan min yang tinggi iaitu  $M= 3.6$  membuktikan bahawa metode soal jawab yang diguna oleh guru dalam proses pembelajaran di dalam kelas berkesan dalam meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap sesuatu topik yang diajarkan kepada mereka.

### **JADUAL 4.3.5**

Item 8. Dengan melakukan latih tubi dapat memudahkan anda mengingati topik yang anda telah pelajari dengan berkesan.

Aliran	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Teknik	11	18	29	
	15.3%	25.0%	40.3%	3.62
Vokasional	15	28	43	
	20.8%	38.9%	59.7%	3.65
Jumlah	26	46	72	
	36.1%	63.9%	100.0%	3.63

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan peratusan responden menyatakan pendirian mereka melalui metode latih tubi dapat memudahkan mereka mengingati topik yang disampaikan oleh guru dengan lebih berkesan. Sebanyak 36.1% (n=26) responden bersetuju bahawa menerusi kaedah latih tubi dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap pengajaran guru. Seterusnya, sebanyak 63.9% (n=46) responden menyatakan sangat setuju menerusi metode latih tubi oleh guru selepas perbahasan sesuatu topik dapat memudahkan mereka mengingati tajuk berkenaan dengan lebih berkesan.

Berdasarkan data di atas, dengan pencapaian min yang tinggi  $M= 3.63$  menunjukkan metode latih tubi memberi kesan terhadap pembelajaran di dalam kelas. Sebanyak 38.9% aliran vokasional menyatakan sangat setuju latih tubi memberi kesan kepada mereka memahami sesuatu tajuk.

Sebaliknya, 11 orang iaitu 15.3% pelajar aliran teknik sangat setuju metode latih tubi ini memberi kesan terhadap pembelajaran subjek Pendidikan Islam di dalam kelas. Secara langsungnya, metode latih tubi lebih sesuai dijalankan kepada pelajar

aliran vokasional dalam membantu mereka memahami sesuatu tajuk yang disampaikan.

#### **JADUAL 4.3.6**

Item 10. Dengan membuat kerja rumah yang diberikan dapat membantu anda mengingati sesuatu topik dengan berkesan.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	9	15	5	29	
	12.5%	20.8%	7.0%	40.3%	2.86
Vokasional	13	200	10	43	
	18.1%	27.7%	13.9%	59.7%	2.93
Jumlah	22	35	15	72	
	30.6%	48.6%	20.8%	100.0%	2.89

Sumber : Soal selidik pelajar.

Jadual di atas memaparkan sebanyak 48.6% ( $n = 35$ ) daripada jumlah responden daripada kedua-dua aliran menyatakan setuju bahawa melalui pemberian tugas kerja rumah membantu mereka memahami sesuatu tajuk yang diajarkan oleh guru di dalam kelas. Seterusnya, 20.8% ( $n = 15$ ) daripada responden kedua-dua aliran menyatakan sangat setuju bahawa metode pemberian kerja rumah oleh guru dapat membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan lebih berkesan. Walaubagaimanapun, sebanyak 30.6% ( $n = 22$ ) responden daripada kedua-dua aliran tidak bersetuju dengan pernyataan item di atas. Data di atas juga menunjukkan 69.4% ( $n = 50$ ) daripada jumlah responden bersetuju pada tahap sederhana dengan  $M = 2.89$  bahawa kerja rumah yang diberikan dapat membantu mereka mengingati sesuatu topik dengan berkesan.

Berdasarkan pecahan peratus kedua-dua aliran di atas, 27.7% daripada aliran vokasional bersetuju metode pemberian tugas kerja rumah oleh guru membantu

mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Sebanyak 20.8% (n = 15) daripada responden aliran teknik juga setuju tugas kerja rumah memberi kesan kepada mereka memahami sesuatu tajuk dengan baik. Dengan  $M= 2.89$ , walaupun pada pada tahap sederhana namun masih menunjukkan penggunaan metode kerja rumah dapat membantu pelajar aliran vokasional memahami topik yang dipelajari.

#### **JADUAL 4.3.7**

Item 13. Anda akan menyiapkan kerja rumah atau tugas kerana takut didenda.

Aliran	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Min
Teknik	26	3	29	
	36.1%	4.2%	40.3%	3.10
Vokasional	25	18	43	
	34.7%	25.0%	59.7%	3.41
Jumlah	51	21	72	
	70.8%	29.2%	100.0%	3.25

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas memaparkan jumlah peratusan responen yang menyatakan pendapat mereka melaksanakan kerja rumah atau tugas kerana takut di denda oleh guru semasa pengajarannya di dalam kelas. Sebanyak 70.8% ( n = 51 ) daripada keseluruhan responden kedua-dua aliran menyatakan setuju mereka menyiapkan kerja rumah kerana takut didenda. Sebaliknya, sebanyak 29.2% ( n = 21) daripada responden kedua-dua aliran sangat bersetuju mereka melaksanakan semua tugas kerana takut dendaan guru.

Majoriti pecahan peratus di atas menunjukkan para pelajar akan menyiapkan segala tugas dan kerja rumah kerana takut akan dikenakan dendaan oleh guru dengan aliran vokasional ( $M = 3.41$ ) mendahului aliran teknik (  $M= 3.10$  ) Ianya juga, sekali lagi membuktikan bahawa guru menggunakan metode dendaan/hukuman ini

sebagai salah satu cara bagi menjadikan pengajaran mereka mendapat kesan yang positif walaupun dendaan /hukuman dianggap suatu perkara yang negatif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Walaubagaimanapun, bentuk dan cara dendaan/hukuman ini perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.

#### **JADUAL 4.3.8**

Item 14. Dengan cara hukuman/dendaan ini dapat membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	13	12	4	29	
	18.1%	16.6%	5.6%	40.3%	2.68
Vokasional	6	21	16	43	
	8.3%	29.2%	22.2%	59.7%	3.23
Jumlah	19	33	20	72	
	26.4%	45.8%	27.8%	100.0%	2.95

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan tahap persetujuan berkaitan metode dendaan yang digunakan oleh guru di dalam kelas dapat membantu mereka memahami sesuatu topik dengan berkesan. Sebanyak 26.4% ( n = 13 ) daripada jumlah respon menyatakan tidak setuju cara dendaan oleh guru ini membantu mereka memahami sesuatu topik dengan berkesan. Walaubagaimanapun sebanyak 27.8% ( n = 20 ) daripada responden kedua-dua aliran menyatakan sangat setuju bahawa kaedah dendaan ini membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Seterusnya sebanyak 45.8% (n= 33) daripada responden bersetuju bahawa menerusi metode dendaan ini membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan.

Majoriti responden iaitu 81% ( $M = 2.95$ ) menyatakan setuju metode dendaan yang diguna pakai oleh guru membantu mereka memahami serta mengingati sesuatu tajuk dengan lebih berkesan. Disamping metode-metode menarik yang lain guru perlu juga sesekali menggunakan ini sebagai salah satu cara untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan terhadap para pelajarnya.

#### **JADUAL 4.3.9**

Item 16. Dengan berbantuan bahan bantu mengajar ini dapat memudahkan anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.

Aliran	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	16	13	29	
	22.2%	18.1%	40.3%	3.44
Vokasional	33	10	43	
	45.8%	13.9%	59.7%	3.23
Jumlah	49	23	72	
	68.1%	31.9%	100.0%	3.32

Sumber : Soal selidik pelajar.

Jadual ini menunjukkan penggunaan BBM semasa pengajaran guru dapat membantu responden memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Sebanyak 31.9% ( $n = 23$ ) daripada responden menyatakan mereka sangat setuju dengan penggunaan BBM dapat membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Manakala sebanyak 68.1% ( $n=49$ ) daripada responden menyatakan mereka bersetuju penggunaan BBM atau benda maujud semasa pengajaran guru membantu mereka memahami sesuatu topik dengan lebih berkesan.

Daripada dapatan soal selidik di atas, dapat di rumuskan bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa penggunaan BBM dan benda maujud dalam pengajaran Pendidikan Islam dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka

terhadap topik yang diajar. Oleh itu, adalah disarankan agar guru-guru Pendidikan Islam memaksimumkan penggunaan BBM dan benda maujud dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka supaya objektif pengajaran dapat dicapai dengan lebih baik lagi.

#### **JADUAL 4.3.10**

Item 18. Dengan menggunakan metode tunjuk cara dapat membantu anda memahami topik tertentu dengan berkesan.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	3	17	9	29	
	4.2%	23.6%	12.5%	40.3%	3.20
Vokasional	7	18	18	43	
	9.7%	25.0%	25.0%	59.7%	3.25
Jumlah	10	35	27	72	
	13.9%	48.6%	37.5%	100.0%	3.23

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 13.9% ( $n = 10$ ) daripada responden menyatakan mereka tidak bersetuju melalui metode tunjuk cara dapat membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Sebanyak 48.6% ( $n = 35$ ) daripada responden bersetuju menerusi metode tunjuk cara membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Seterusnya sebanyak 37.5% ( $n = 27$ ) sangat setuju menerusi kaedah tunjuk cara oleh guru ketika melaksanakan pengajarannya di dalam kelas membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Daripada dapatan di atas dengan peratusan yang tinggi dan berdasarkan  $M = 3.23$ , dapat disimpulkan bahawa metode tunjuk cara dapat membantu pelajar meningkatkan tahap pemahaman mereka terhadap topik tertentu dengan berkesan.

### JADUAL 4.3.11

Item 20. Dengan cara perbincangan berkumpulan membantu anda memahami sesuatu topik dengan berkesan.

Aliran	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Min
Teknik	4	16	9	29	
	5.6%	22.2%	12.5%	40.3%	3.17
Vokasional	8	17	18	43	
	11.1%	23.6%	25%	59.7%	3.23
Jumlah	12	33	27	72	
	16.7%	45.8%	37.5%	100.0%	3.20

Sumber: Soal selidik pelajar.

Jadual di atas menunjukkan peratus persetujuan calon menerusi metode perbincangan berkumpulan yang diselia oleh guru ketika di dalam kelas. Sebanyak 16.7% (n=12) daripada responden menyatakan tidak setuju bahawa perbincangan berkumpulan ini membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Seterusnya, sebanyak 45.8% (n=33) daripada responden menyatakan setuju bahawa perbincangan berkumpulan yang dikawal selia oleh guru membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan berkesan. Manakala seramai 37.5% (n=27) menyatakan sangat setuju bahawa menerusi perbincangan berkumpulan iaitu salah satu cara kaedah pengajaran guru di dalam kelas membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan lebih berkesan. Hasil daripada dapatan kajian di atas dengan peratusan yang tinggi iaitu 83.3% bersamaan  $M=3.20$  adalah disarankan agar guru-guru Pendidikan Islam menggunakan metode perbincangan berkumpulan dengan lebih kerap lagi memandangkan majoriti pelajar bersetuju bahawa metode ini dapat membantu meningkatkan lagi tahap pemahaman mereka terhadap sesuatu topik dengan lebih berkesan.

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Di dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan berkaitan dengan tajuk kajian berdasarkan sumber data yang diperolehi dan daripada hasil dapatan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Berdasarkan maklumat yang diperolehi bagi menyokong skop kajian berkaitan metode pengajaran dan kesannya, pengkaji akan membuat ulasan dan perbincangan hasil dapatan berkenaan. Seterusnya, pengkaji akan membuat beberapa cadangan berkaitan topik kajian berdasarkan maklumat berkenaan.

#### **5.1 Rumusan kajian**

Sebagai rumusan daripada hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati guru sebagai penyampai ilmu dan maklumat kepada para pelajarnya telah menggunakan metode-metode pengajaran yang berkesan semasa menjalankan pengajaran di dalam bilik darjah dari segi persepsi pelajar. Sekiranya sesuatu metode yang digunakan tidak menarik sudah tentu perkara tersebut akan menghambat tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru mereka di dalam kelas.

Hasan Langgulung menyatakan berkaitan dengan kesesuaian metode ketika mengajar amat penting dengan menyebut:

kaedah sebenarnya bermakna jalan untuk mencapai tujuan. Jadi jalan itu bermacam-macam, begitu juga dengan kaedah. Tidak ada kaedah yang terbaik untuk segala mata pelajaran. Mungkin ada kaedah yang baik untuk pelajaran tertentu dan guru tertentu.<sup>54</sup>

Ekoran daripada itu, pengkaji merasakan perlu dibuat pengamatan dan penelitian semula secara lebih tepat lagi mengenai metode pengajaran guru-guru agama di sekolah menengah. Perkara ini perlu diberi perhatian serius bagi memberikan satu input yang berkesan dalam memperbaharui dan memperbaiki serta mempelbagaikan metode pengajaran di dalam kelas. Ini bertujuan untuk menarik serta menambah minat para pelajar terhadap subjek pendidikan Islam. Berdasarkan dapatan analisis data soal selidik dari sudut persepsi pelajar terhadap pengajaran guru di dalam bilik darjah dapat dirumuskan berdasarkan item-item soal selidik yang mempunyai tahap persetujuan min yang tinggi. Diantaranya ialah:

**i. Item 1- Metode pengajaran yang pelbagai:**

Berdasarkan jadual 4.2.1, seramai 71 orang iaitu 98.6% ( $M=3.34$ ) responden menyatakan guru mereka mempelbagaikan metode pengajaran semasa melaksanakan pengajarannya di dalam kelas. Oleh itu, semasa menjalankan pengajaran di dalam kelas, guru-guru perlu mempelbagaikan metode pengajaran mengikut kesesuaian masa dan tempat. Dalam erti kata yang lain, penggunaan metode tertentu perlu sesuai dengan setiap topik yang disampaikan.

Sebagai contoh, jika seseorang guru mendapati penyampaian pengajaran yang hanya menggunakan kapur dan papan hitam membuatkan pelajar jemu dan kurang

---

<sup>54</sup> Hasan Langgulung (1981), *op.cit.*, hal 26.

tumpuan terhadap pengajarannya, beliau perlulah beralih kepada penggunaan alatan terkini yang dapat meningkatkan lagi daya fokus para pelajar.

Begitu juga jika metode-metode yang digunakan agak tradisional tetapi mendatangkan kesan yang baik terhadap mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru berkenaan perlu menyuburkannya dengan cara yang tersendiri. Sebagai contohnya, metode syarahan merupakan salah satu metode yang paling lama digunakan oleh guru-guru semasa mengajar di dalam kelas. Sekiranya penggunaan metode ini berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hal ini perlu dimurnikan lagi dengan intonasi suara guru yang sesuai dengan maklumat yang ingin disampaikan. Selain daripada itu, guru-guru boleh menggabungjalinkan metode syarahan ini dengan metode soal jawab secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjadikan pengajarannya lebih berkesan.

### **ii. Item 6 - Metode soal jawab:**

Berdasarkan jadual 4.9, seramai 70 orang iaitu 97.8% ( $M=3.43$ ) daripada pelajar bersetuju guru mereka menggunakan metode soal jawab dalam pengajarannya. Pengkaji mendapati para pelajar menyatakan persetujuan yang tinggi guru mereka menjadikan soal jawab secara lisan dan latih tubi sebagai metode utama dalam pengajarannya. Metode soaljawab ini merupakan salah satu perkara yang penting di dalam mengesan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik pembelajaran.

Metode ini juga telah lama wujud dan di amalkan dalam menyampaikan dakwah sejak dahulu lagi. Kelebihan yang terdapat pada kaedah ini ialah guru dapat

mengawasi tingkahlaku pelajar, memberi penekanan kepada mereka terhadap kepentingan sesuatu topik secara langsung.<sup>55</sup>

Bagi menjadikan metode berkesan, guru hendaklah mempunyai kemahiran menyoal. Kelebihan metode ini sebenarnya dapat membangkitkan kecerdasan para pelajar berfikir. Guru bukan sahaja dapat membimbing para pelajar malah dapat membentuk disiplin mereka dan peka terhadap isu-isu yang disampaikan.

### **iii. Item 7 - Metode latih tubi:**

Begitu juga dengan penggunaan metode latih tubi, pengkaji mendapati sesetengah golongan pelajar dapat memahami sesuatu tajuk dengan lebih berkesan menerusi cara ini. Metode ini sesuai digunakan kepada para pelajar yang pencapaian mereka agak sederhana. Sebagai contohnya, seramai 71 orang iaitu 98.6% ( $M=3.47$ ) daripada para pelajar aliran vokasional merasakan melalui kaedah latih tubi secara lisan ini membantu mereka memahami pengajaran guru dengan berkesan.

Pengkaji berpendapat, semasa pengajaran subjek Pendidikan Islam metode ini sangat sesuai digunakan oleh guru bagi membantu para pelajarnya mengingati potongan ayat-ayat hafazan. Guru-guru biasanya akan menyuruh para pelajarnya menyambung ayat-ayat tertentu secara lisan berulang kali. Bentuk latih tubi ini boleh juga dijalankan dengan cara lain seperti menyusun potongan ayat-ayat al-Quran di papan tulis secara berulang kali oleh pelajar yang berlainan dan sebagainya.

---

<sup>55</sup> *Ibid.*, hal. 99.

**iv. Item 12 - Metode hukuman/dendaan:**

Berdasarkan jadual 4.2.8, tahap pencapaian min terhadap metode ini agak tinggi iaitu  $M=3.34$ . Justeru itu, sebagai satu pengukuhan dalam memastikan pengajaran seseorang guru itu berkesan atau tidak, guru perlu memberikan tugasan seperti kerja rumah sebagai salah satu metode yang dapat membantu para pelajarnya mengingati semula apa yang telah dipelajari oleh mereka di dalam kelas dan seterusnya menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. Sekiranya para pelajar tidak melaksanakan tugasan ini, mereka juga boleh didenda kerana gagal melaksanakan tugasan kerja rumah yang diberikan tanpa alasan yang munasabah. Dendaan ini sebenarnya merupakan salah satu cara meningkatkan kefahaman pelajar. Dendaan ini juga perlu mengikuti garis panduan yang dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan. Jika dendaan ini tidak mengikut syarat yang diperuntukkan sudah tentu proses pengajaran guru menjadi lebih sukar. Kemungkinan sesetengah pelajar akan beranggapan mereka adalah kalangan yang hina dan terlalu sukar untuk menjadi insan yang pandai.

Kadang-kadang dendaan yang lebih bersifat mendera akan menjadikan para pelajar semakin bebal dan tidak cukup dengan dendaan yang diterima. Oleh itu, guru-guru perlu lebih berhati-hati semasa menggunakan metode ini supaya masyarakat pelajar sentiasa merasa lebih bertanggungjawab semasa menimba ilmu pegetahuan dan bukanlah semakin menjauhkan diri.

Dalam perkara ini Ibnu Khaldun menegaskan hukuman yang terlalu keras akan menyebabkan seseorang pelajar itu terbiasa dengan situasi tersebut dan akan membuatkan mereka sentiasa merasa tertekan dan mempengaruhi keperibadian

mereka. Ekoran daripada kekerasan yang tidak diharuskan oleh syarak ini akan membuatkan para pelajar ini menjadi terus malas dan mendorong mereka untuk berbohong serta menipu dalam sesuatu keadaan bagi mengelakkan daripada dihukum.<sup>56</sup>

Hukuman yang keterlaluan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar ini juga akan mengakibatkan mereka terasa diri mereka terpinggir dan beranggapan mereka tidak mempunyai sebarang nilai positif seperti orang lain. Situasi ini akan terus menjerumuskan mereka menjadi golongan yang paling rendah dikalangan mereka yang rendah.<sup>57</sup> Mereka akan terus tersisih dan kemungkinan tahap kehidupan mereka berada dalam keadaan yang tidak sepatutnya berlaku keatas seseorang manusia yang mempunyai banyak kelebihan berbanding makhluk lain dimuka bumi ini.

Namun, hukuman yang dikenakan itu adalah pilihan yang terakhir dan perlu mengikut prosedur sepatutnya seperti:

- a. Hukuman yang dikenakan itu tidak mengikut emosi tetapi ia sebagai satu cara membimbing dan menyedarkan pelajar.
- b. Hukuman berkenaan perlu bersandarkan kepada alasan yang boleh diterima serta berpegang kepada prinsip yang betul.
- c. Hukuman berkenaan boleh memberikan kesan positif kepada pelajar dan mereka bersedia memperbaiki kesilapan yang dilakukan.

---

<sup>56</sup> Ibnu Khaldun (2000), *op.cit.*, hal. 776.

<sup>57</sup> *Ibid.*, hal. 777.

- d. Seterusnya guru perlu memberi peluang kepada pelajar berubah dalam satu-satu tempoh tertentu.<sup>58</sup>

Pengkaji berpendapat, metode hukuman ini sebenarnya berperanan sebagai satu cara untuk menghapuskan perilaku yang negatif agar proses pemindahan ilmu pengetahuan berjalan dengan lancar semasa pengajaran guru di dalam kelas.

**v. Item 11 - Metode pujian:**

Seterusnya, untuk menjamin kesinambungan serta kelincinan pengajaran guru di dalam kelas selain daripada penggunaan metode yang agak tegas, guru-guru perlu menggunakan metode yang lembut seperti memberi pujian terhadap para pelajar yang melaksanakan sesuatu tugas dengan baik. Berdasarkan dapatan kajian item keenam dalam jadual 4.2.11, seramai 70 orang iaitu 97.2% ( $M=3.32$ ) daripada responden bersetuju guru mereka memberikan pujian setelah melaksanakan tugas dengan baik. Ini menunjukkan kepada kita, disamping ketegasan bagi melicinkan sesuatu proses pembelajaran di dalam kelas, perlu juga disusuli dengan kelembutan supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi berkesan dan sentiasa menarik perhatian pelajar. Namun, segala bentuk ketegasan atau kelembutan ini perlulah ada had dan sempadan yang boleh diterima oleh semua pihak dalam sesebuah masyarakat.

Pujian dan penghargaan daripada guru itu amatlah penting dimana ianya akan dapat membangkitkan semangat yang diperlukan oleh seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya dan dendaan yang dikenakan kepada mereka yang ingkar terhadap

---

<sup>58</sup> Ahmad Rafaaif Ayudin (2002), *op.cit.*, hal. 116.

tugasan yang telah diberikan sebagai peringatan agar mereka tidak mengulangi kesilapan atau kecuaian yang telah dilakukan.

**vi. Item 17 - Metode tunjuk cara:**

Seterusnya, untuk menjamin metode pengajaran yang berkesan serta berkualiti guru-guru perlu menyediakan benda-benda maujud bagi membantu pengajarannya. Sebagai contohnya, jika seseorang guru pendidikan Islam di sekolah membahaskan topik berkaitan cara-cara melakukan sembelihan, ia perlu menyediakan seekor ayam yang telah disembelih ataupun belum. Ini bertujuan supaya para pelajar dapat memahami situasi yang sebenar berkaitan sesuatu tajuk yang dibahaskan. Para pelajar akan dapat menyaksikan sendiri secara jelas dan lebih praktikal. Penyediaan benda maujud semasa menyampaikan topik tertentu amat bergantung kepada kebijaksanaan guru supaya tidak memerlukan kos yang tinggi ataupun tidak menjadikan proses pelaksanaannya menjadi terlalu rumit.

Dalam hubungan ini, Hasan Langgulung menyatakan, apabila kita membicarakan kaedah pengajaran, maka perbicaraan itu tidak terhad kepada perkara-perkara pengajaran sahaja, tetapi meliputi beberapa perkara lain seperti pentadbiran, pendidikan guru, buku-buku teks dan teknologi pendidikan yang meliputi berbagai aspek seperti alat pandang dengar, alat bantu mengajar dan lain-lain perkara berkaitan. Pendek kata ia meliputi segala perkara yang akan menjadikan pembelajaran dan pengajaran itu lebih berkesan.<sup>59</sup>

Merujuk jadual 4.2.15, seramai 66 orang calon iaitu 91.7% ( $M=3.23$ ) bersetuju guru menggunakan BBM yang bersesuaian dalam pengajarannya di dalam

---

<sup>59</sup> Hasan Langgulung (1997), *op.cit.*, hal. 63.

kelas. Seramai 70 orang iaitu 97.2% pelajar daripada kedua-dua aliran setuju penggunaan BBM seperti benda majud, carta dan sebagainya dapat membantu mereka memahami sesuatu tajuk dengan lebih berkesan.

Disamping menyediakan benda majud, guru-guru pendidikan Islam perlu menggunakan metode tunjuk cara dalam menyampaikan topik tertentu. Berdasarkan jadual 4.2.17, sebanyak 69 orang iaitu 82% daripada responden bersetuju guru mereka menggunakan metode tunjuk cara semasa mengajar topik berkaitan cara-cara melakukan tawaf didalam ibadat haji. Ini membuktikan guru perlu menggunakan BBM dan benda majud dengan lebih meluas lagi serta metode tunjuk cara bagi membantu para pelajarnya memahami sesuatu tajuk dengan lebih jelas dan berkesan.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan rumusan di atas menunjukkan bahawa guru-guru mempelbagaikan metode pengajaran semasa proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam di dalam kelas dilakukan. Penggunaan metode yang berkesan amat penting bagi menjamin pemindahan ilmu berjalan dengan baik terhadap sesuatu subjek. Namun, kesinambungan sesuatu metode perlu disesuaikan dengan topik yang dibahaskan dari semasa kesemasa. Guru-guru juga telah menggunakan metode-metode pengajaran yang berkesan semasa mengajar di dalam kelas. Secara keseluruhannya, metode-metode pengajaran yang telah dipraktikkan oleh guru telah memberikan kesan yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di dalam bilik darjah.

## **5.2 Implikasi kajian**

1. Hasil kajian ini menunjukkan pendekatan metode pengajaran dalam subjek pendidikan Islam di sekolah ini berjaya membentuk pengajaran berkesan di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian guru-guru pendidikan Islam khasnya perlu mengaplikasikan metode yang berkesan sepenuhnya dalam pengajaran mereka.
2. Pendekatan metode pengajaran berkesan ini tidak semata-mata bermatlamatkan keputusan akademik yang baik tetapi yang lebih utama ialah penguasaan ilmu oleh pelajar dan apa yang disampaikan oleh guru-guru perlu lebih efektif dan menarik minat para pelajar.
3. Metode pengajaran berkesan yang digunakan dapat mewujudkan benteng ketahanan diri setiap pelajar. Pengajaran subjek pendidikan Islam yang disampaikan oleh guru sebagai menyiapkan diri para pelajar dengan ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah sebelum keluar bekerja di kilang-kilang perindustrian dan lain-lain bidang kerjaya berkaitan bidang teknikal yang mereka akan ceburi kelak

### **5.3 Cadangan**

Memandangkan kajian ini terbatas kepada perbincangan berkaitan metode-metode pengajaran dan kesannya, namun faktor-faktor sampingan bagi memurnikan lagi kelincinan pengajaran guru di dalam kelas perlu diambil perhatian. Berikut ialah beberapa cadangan dan saranan bagi meningkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam:

1. Pihak Kementerian Pelajaran perlulah menyediakan kemudahan asas yang mencukupi bagi melancarkan setiap proses pengajaran guru di dalam kelas. Peralatan berasaskan teknologi terkini perlulah disediakan disetiap bilik darjah. Sebagai contohnya, setiap kelas perlulah ada *lcd* bagi menjimatkan masa dan melancarkan pengajaran guru. Masyarakat pelajar tidaklah perlu lagi berkongsi peralatan yang hanya berpusat di bilik-bilik tertentu sahaja. Kelengkapan berbentuk *ICT* ini perlulah diselenggara dengan baik, berdasarkan pemerhatian pengkaji, sebahagian alat dapat digunakan dan sebahagiannya tidak berfungsi dengan baik.
  
2. Guru pendidikan Islam perlu mengadakan refleksi harian berkaitan metode pengajarannya. Guru-guru disarankan mencatat refleksi umum harian secara ringkas berkaitan perjalanan pengajaran dengan telus. Refleksi secara umum dan ringkas ini secara tidak langsung dapat membantu para guru memastikan pengajaran yang seterusnya lebih berkualiti.

3. Pihak Kementerian Pelajaran perlu mengingatkan pihak Institusi Pendidikan Guru supaya sentiasa mendekatkan jurang dengan pihak sekolah dalam tugas memberikan input-input terkini berkaitan dengan metode-metode pengajaran guru dari masa ke semasa.
4. Menjadikan aktiviti penyeliaan oleh pegawai yang bertanggungjawab di pejabat Pendidikan Daerah sebagai rutin utama dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berjalan dengan lancar dan sempurna. Proses penyeliaan ini hendaklah lebih berbentuk perbincangan bersifat terbuka kearah meningkatkan mutu pengajaran pendidikan Islam di dalam kelas. Bukanlah penyeliaan oleh pegawai berkenaan kearah mencari kesilapan dan kekurangan guru semata-mata dalam melaksanakan pengajarannya dengan lebih berkesan dan menarik.
5. Pihak pentabiran sekolah perlulah memastikan setiap guru tidak dibebankan dengan tugas sampingan yang terlalu berat. Hal ini perlulah diberikan perhatian serius supaya guru dapat membuat persediaan secukupnya dalam melaksanakan tugas utamanya sebagai seorang pendidik. Berdasarkan pemerhatian pengkaji berkaitan isu ini, kebanyakan guru terpaksa membahagikan masa di antara penyediaan pengajaran di dalam kelas dan juga bagi menyelesaikan tugasan berbentuk pentadbiran.
6. Pihak pentadbiran sekolah perlulah meletakkan waktu interaksi pengajaran subjek akademik disebelah pagi. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati sebahagian pelajar berada dalam keadaan letih dan mengantuk setelah menjalani amali dibengkel pada waktu pagi dan mereka terpaksa meneruskan pembelajaran akademik di dalam bilik darjah dalam keadaan kurang bertenaga dan kurang berfokus.

Situasi ini amat mempengaruhi keberkesanannya proses P&P di dalam bilik darjah. Manakala ketika amali solat zohor di surau, pergerakan sebahagian pelajar agak lambat dan dilihat terpaksa mengambil masa yang lebih lama kerana mereka terpaksa menukar pakaian yang bersih terlebih dahulu.

### 5.3 Penutup

Sebagai penutup, metode pengajaran merupakan suatu asas dan perkara yang sangat penting dan perlu dititik beratkan oleh seseorang guru sebelum melangkah masuk ke dalam bilik darjah. Sekiranya seseorang guru tidak menggunakan metode pengajaran yang betul, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi hambar dan tidak mendatangkan kesan yang positif ketika menyampaikan ilmu pengetahuan terhadap golongan pelajar di semua peringkat pengajian.

Menurut Abd. Halim Tamuri, guru-guru pendidikan Islam perlu menggunakan teknologi terkini dalam meneroka ilmu melalui pencarian maklumat di internet. Menurut beliau lagi terdapat 158 laman web dikenal pasti berkaitan dengan pendidikan Islam dan boleh dijadikan sumber rujukan bagi memudahkan proses P&P secara langsungnya metode pengajaran guru pendidikan Islam akan jadi lebih menarik perhatian pelajar dan tidak hanya melibatkan buku teks sahaja.<sup>60</sup>

Guru-guru perlu sentiasa mempelbagaikan metode pengajaran bersesuaian dengan tajuk tertentu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan supaya para pelajar sentiasa memberi perhatian sewajarnya terhadap tajuk yang dibincangkan. Penggunaan dan pemilihan metode pengajaran yang tepat akan

---

<sup>60</sup> Abd. Halim Tamuri (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi. hal 135-136.

mendatangkan kesan yang cukup baik bagi memudahkan pemahaman terhadap sesuatu topik serta melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas secara langsungnya objektif pengajaran akan tercapai.

## BIBLIOGRAFI

### AL-QURAN / TAFSIR

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Muhammad Basmeih (1998), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Cet. 15. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

### RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_( 1989 ), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam : Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.

\_\_\_\_\_(1992), "Pembacaan Dalam Tradisi Keilmuan", *Jurnal Pendidikan Islam* 5. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abd. Halim Tamuri (2011), *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.

\_\_\_\_\_(1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Jusoh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Abrasyi, Mohd ‘Athiyyah (1970), *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, Terj. H. Bustami A. Gani. Jakarta: Bulan Bintang.

Al-Qattan, Manna’ Khalil, (1994), *Studi Ilmu-ilmu Al-Quran*, Cet. 2. Terj. Drs. Mudzakir AS. Jakarta: Litera Antar Musa.

Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Ahmad Mahdzan Ayob (1988), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rafaai Ayudin (2002), *Pedagogi Pengetahuan Didaktik Untuk Guru*. Ampang: Penerbitan Salafi.
- Ahmad Shalaby (1970), *Sejarah dan Kebudayaan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- \_\_\_\_\_. (1976), *Sejarah Pendidikan Islam*, Terj. Mukhtar Jahja dan M. Sanusi Latief. Singapura: Pustaka Nasional.
- Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hasan Langgulung (1981), *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- \_\_\_\_\_. (1988), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke 21*, Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- \_\_\_\_\_. (1997) *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun (2000), *Terjemahan Mukadimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Barnadib (1975), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan ( Yasbit ) FIP- IKIP.
- Ismail Abdul Rahman dan Mohd Nasir Omar (1991), *Islam: Cabaran dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah*: Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koentjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf (t.t), *Kamus Idris Al-Marbawi Arab-Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mahathir Mohamad (1984), *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pelajaran*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Hj. Yahya ( 1998), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Kamal Hasan (1988), *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.

Mohd. Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusuf Ahmad (2000), *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

\_\_\_\_\_ (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mustafa Hj. Daud (2002), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Noresah Baharom (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahrin Awaluddin (1998), Pendidikan Islam Berasaskan Realiti Semasa, Juriah Long (ed.), *Inovasi Dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

T. Subahan Mohd Meerah (2003), Isu-isu Perkaedahan Pendidikan Islam, *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teuku Iskandar (1994), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ward, Mitchell Cates (1990), *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*, Terj. Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Hornby, A S (ed) Sally Wehmeir (2000), *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Oxford University Press.

Betts, E.A (1946), *Foundations of Reading Instruction*, New York : American Book Company.

Emerald V. Dechant dan Henry P. Smith (1977), *Psychology In Teaching Reading*, New Jersey : Prentice – Hall Inc.

Chall, J.S. (1967), *Learning To Read : The Great Debate*, New York : Mc Graw Hill Book Company Inc.

Ragget et. al (1979), *Assesment and Testing of Reading : Problems and Practices*, London: Ward Lock Educational.

## **TESIS/DISERTASI/KAJIAN ILMIAH**

Abdul Halim Mat Diah (1986), Falsafah Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah .Yogyakarta : IAIN Sunan Kalijogo.

Nazri Hamid (2000), Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Dua Buah Sekolah Daerah Sabak Bernam. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Noraini Ramli (2000), Hubungan Di Antara Keberkesanan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Survey. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Khatijah Endut (1998), Satu Kajian Eksperimen Tentang Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Dalam Pendidikan Islam. Disertasi Sarjana. Bangi: UKM.

Jainon @ Faridah Hj. Majid (1990), Masalah Utama Penggunaan Alat Bantu Mengajar Pendidikan Islam di Kalangan Guru Agama Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Gombak dan Wilayah Persekutuan: Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran. Disertasi Sarjana. Bangi: UKM.

Mohd Sahirudin Amir (1996), Perkaedahan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Ulum Syariah): Satu Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Kuala Selangor. Disertasi Sarjana. Bangi: UKM.

## **AKHBAR / MAJALAH**

Berita Harian 21 Mac 2003.

Utusan Malaysia (Pendidikan).21 Februari 2003.

Majalah Tahunan Sekolah Menengah Teknik Kajang, (*Promik*), Edisi ke 8.

